



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

# Iltizam Perpaduan 2025





**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

# *Iltizam Perpaduan* **2025**



# Isi Kandungan

	m/s
<b>1</b> • ASPIRASI DAN NARATIF YB DATUK MENTERI PERPADUAN NEGARA	1
<b>2</b> • VISI DAN MISI KEMENTERIAN	3
<b>3</b> • CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN	4
<b>4</b> • IMBASAN DAN CABARAN TAHUN 2024	6
<b>5</b> • BIDANG TUJAHAN	9
<b>6</b> • SENARAI PROGRAM KEMENTERIAN TAHUN 2025	11
<b>7</b> • AGENDA REFORMASI KEMENTERIAN TAHUN 2025	13
<b>8</b> • JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL	16
<b>9</b> • JABATAN MUZIUM MALAYSIA	24
<b>10</b> • ARKIB NEGARA MALAYSIA	33
<b>11</b> • PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA	42
<b>12</b> • YAYASAN SUKARELAWAN SISWA	50
<b>13</b> • YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN	54
<b>14</b> • YAYASAN TUN RAZAK	58
<b>15</b> • TAKWIM	62



## ASPIRASI DAN NARATIF MENTERI PERPADUAN NEGARA



Dengan rasa syukur dan rendah hati, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada penerbitan Buku 'Itizam Perpaduan 2025'. Buku ini mencerminkan tekad dan komitmen berterusan kita dalam mengukuhkan perpaduan negara berlandaskan prinsip seiring dengan aspirasi Malaysia Madani dan Rukun Negara.

Sebagai Menteri Perpaduan Negara, saya melihat perpaduan sebagai nadi kepada pembangunan negara. Kepelbagaian yang kita miliki adalah kekuatan yang perlu terus dipupuk dan dihargai. Tahun 2025 menjadi detik penting untuk kita melangkah dengan lebih yakin dalam menjadikan Malaysia sebuah negara yang teguh berlandaskan kesepaduan rakyatnya. Dalam konteks ini, penerbitan buku ini adalah manifestasi usaha kita untuk menyediakan hala tuju yang jelas ke arah merealisasikan cita-cita perpaduan nasional.

Tahun 2025 menandakan fasa baharu dalam usaha kita untuk memperkukuhkan asas perpaduan negara melalui pendekatan '*Whole-of-Government*' (WOG) dan '*Whole-of-Nation*' (WON). Pendekatan ini menekankan penyelarasan dan kerjasama strategik antara semua agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat awam. Dengan sinergi ini, kita berupaya menghadapi cabaran semasa dan membina masa depan yang lebih inklusif, sejahtera, dan harmoni.

Kementerian Perpaduan Negara akan terus mengambil pendekatan melalui pelaksanaan program (*programme based*) untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat Malaysia sekaligus meraikan kepelbagaian budaya, adat resam, perayaan dan warisan.

Melalui pelaksanaan yang bersepadu dan komitmen yang tidak berbelah bahagi, saya yakin bahawa matlamat yang digariskan dalam buku ini akan dapat dicapai. Perpaduan bukan sekadar cita-cita, tetapi tanggungjawab bersama yang memerlukan penglibatan aktif semua pihak.

Dalam hal ini, pendekatan PRIME perlu diterapkan dan diamalkan kesemua kakitangan Kementerian dan agensi dibawahnya. Prinsip PRIME yang dimaksudkan adalah:

- i. *People-centric*: Semua inisiatif berfokus kepada keperluan rakyat;
- ii. *Resilient*: Bersedia menghadapi cabaran sosial yang kompleks;
- iii. *Innovative*: Mengutamakan penyelesaian baharu melalui teknologi dan kreativiti;
- iv. *Measured*: Kejayaan diukur melalui penanda aras (KPI) yang jelas dan terukur; dan
- v. *Empowered*: Komuniti diberikan sokongan untuk menyumbang kepada agenda perpaduan.

Negara bangsa adalah konsep penting yang menjadi asas kepada kestabilan, perpaduan, dan kemajuan sesebuah negara. Ia merujuk kepada pembentukan sebuah entiti politik yang bersandarkan kepada identiti bersama, merangkumi unsur sejarah, budaya, bahasa, dan nilai yang dikongsi oleh semua rakyat. Konsep ini menjadi hala tuju utama dalam usaha mencapai perpaduan, terutama di negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia. Negara bangsa bermaksud wujudnya satu kesepakatan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum untuk bersatu di bawah satu bumbung negara. Walaupun terdapat perbezaan dari segi agama, adat resam dan bahasa, rakyat yang hidup dalam negara bangsa akan menjunjung nilai-nilai kebangsaan yang menyatukan mereka. Pendekatan Kementerian Perpaduan Negara pada tahun 2025 juga akan lebih bertumpukan kepada pembinaan Negara Bangsa.

Tambahan pula, negara yang harmoni akan lebih mudah mengekalkan kestabilan politik dan sosial, yang merupakan prasyarat kepada perpaduan. "*A Harmonious Nation Brings Unity effectively encapsulates the idea that harmony within a society, regardless of its diverse components, is essential for fostering unity*". Harmoni adalah kunci untuk memastikan perpaduan yang kukuh. Dengan hidup dalam harmoni, kita dapat mencapai perpaduan yang sejati, di mana setiap rakyat merasa diterima dan disatukan dalam satu identiti nasional. Oleh itu, tema pada tahun ini iaitu Harmoni Dalam Kepelbagaian adalah tepat pada masa.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama menjadikan tahun 2025 sebagai tahun kemajuan dalam perpaduan, di mana Harmoni Dalam Kepelbagaian terus menjadi asas kepada kestabilan dan kejayaan negara kita. Sesungguhnya, hanya melalui perpaduan yang kukuh, kita mampu membina sebuah Malaysia yang lebih makmur dan harmoni di persada dunia. Dengan penuh kepercayaan, saya yakin Buku "**Itizam Perpaduan 2025**" akan menjadi panduan penting dalam usaha kita mencapai visi ini. Terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan buku ini. Komitmen dan sokongan anda semua amat dihargai.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG**

Menteri Perpaduan Negara



**Peneraju perpaduan yang inklusif ke arah kemakmuran bersama**



**Meningkatkan usaha baharu penyatupaduan untuk membina tapak integrasi bagi pengukuhan semangat muhibah dalam kalangan rakyat**



# *Carta Organisasi Kementerian*

# PENGURUSAN TERTINGGI KPN



**YB MENTERI PERPADUAN NEGARA**  
YB DATUK AARON AGO DAGANG



**YB TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**  
YB SENATOR SARASWATHY KANDASAMI



**KETUA SETIAUSAHA**  
DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ AHMAD  
PTD TURUS III





# *Imbasan Dan Cabaran Tahun 2024*

## 4. IMBASAN DAN CABARAN TAHUN 2024

Tahun 2024 menyaksikan bahawa perpaduan merupakan teras kepada kestabilan, kemajuan dan kesejahteraan negara dengan kepelbagaian budaya, agama dan adat resam dilihat sebagai aset yang harus dipelihara dan dihargai. Dalam konteks ini, pendekatan '*Whole-of-Government*' (WOG) dan '*Whole-of-Nation*' (WON) memainkan peranan penting dengan menekankan kerjasama strategik antara agensi Kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat awam. Sinergi antara semua pihak ini merupakan tindakan yang lebih menyeluruh dalam mendepani cabaran sosial dan memperkukuhkan asas perpaduan nasional.

Hasil kerjasama strategik dengan pelbagai pihak ini, Kementerian Perpaduan Negara telah berjaya melaksanakan sejumlah lebih 300 program sepanjang tahun 2024. Namun demikian, kita tidak seharusnya mudah berpuashati dengan kejayaan pelaksanaan program-program tersebut. Ini kerana masih terdapat cabaran-cabaran yang perlu dilihat semula bagi memastikan keberkesanan impak program serta aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya demi merealisasikan agenda perpaduan negara.

Antara cabaran-cabaran yang dikenalpasti adalah kurangnya kepelbagaian khususnya melalui penyertaan setiap lapisan masyarakat di program-program perpaduan yang dianjurkan. Seringkali berlaku program atau aktiviti yang dilaksanakan hanya disertai oleh kaum tertentu sahaja, dan ini sudah tentu tidak memberikan gambaran sebenar tentang perpaduan negara yang kita idam-idamkan. Selain dari itu, banyak program atau aktiviti yang dilaksanakan juga dilihat sebagai '*government driven*' dan bukannya bersifat '*society driven*'. Walaupun sudah menjadi satu tanggungjawab Kerajaan dalam memastikan agenda perpaduan ini dapat diterjemahkan di dalam masyarakat melalui pelaksanaan program serta aktiviti tertentu, kebergantungan kepada Kerajaan dalam jangka masa panjang bukanlah sesuatu yang sihat.

Sudah sampai masanya, seluruh lapisan masyarakat termasuklah badan swasta, bukan kerajaan dan rakyat jelata amnya sama-sama memikul tanggungjawab dan turut sama melaksanakan program serta aktiviti perpaduan dengan kemampuan masing-masing tanpa mengharap sebarang balasan dari pihak Kerajaan. Dengan kata lain, perpaduan seharusnya sentiasa tersemat di dalam sanubari setiap rakyat Malaysia. Ia juga adalah selari dengan hasrat Kerajaan supaya masyarakat Malaysia dapat membudayakan nilai-nilai Faham, Hormat dan Terima dalam perhubungan antara sesama kita.

Dalam memastikan program dan aktiviti perpaduan yang dilaksanakan dapat mencapai objektifnya, adalah penting untuk mengambil kira skala impak bagi setiap program atau aktiviti yang dilaksanakan. Program yang bagus sekalipun tidak dapat memberikan skala impak yang besar sekiranya ia hanya dapat menarik sejumlah kecil peserta sahaja. Ini sudah tentu akan merugikan Kerajaan dari segi kos kewangan, sumber tenaga dan masa yang telah dihabiskan bagi menjayakan sesuatu program atau aktiviti tersebut.

Program atau aktiviti yang dilaksanakan juga hendaklah mengambil kira pelbagai aspek dalam memastikan keberkesanan impak. Bagaimana untuk kita memastikan program yang dijalankan dapat dirasai (*reach out*) di segenap lapisan masyarakat. Sudah tentu cara paling berkesan adalah dengan menggunakan medium komunikasi yang efektif seperti media sosial yang sudah semakin sehati dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi muda. Dalam hal ini, Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya juga harus memastikan program yang dilaksanakan bukanlah bersifat terpencil. Bahkan ia sepatutnya dapat disebar luaskan ke seluruh pelusuk negara, dari utara hingga ke selatan dan dari timur hingga ke barat, bagi memastikan semua lapisan rakyat pelbagai kaum, budaya dan agama dapat menikmati agenda perpaduan yang hendak diterapkan oleh Kerajaan MADANI.

Di samping itu juga, cabaran-cabaran lain yang dihadapi seperti perkembangan teknologi, ideologi luar, kekangan peruntukan, kekurangan sumber manusia, pembangunan fasiliti, pembangunan kepakaran dan tadbir urus juga hendaklah ditangani secara bersepadu dan tidak dijadikan sebagai halangan untuk mendepani masa mendatang. Kejayaan yang telah dikecapi hendaklah diteruskan pada tahun 2025. Justeru itu, prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan keberkesanan dalam pelaksanaan dasar serta program harus ditekankan dalam setiap tindakan dan keputusan yang diambil pada peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi. Falsafah **TEAM (Together, Everyone, Achieves, More)** harus dijadikan pegangan dan amalan dalam semua peringkat tadbiran.

Justeru, Kementerian Perpaduan Negara bertekad untuk terus komited dalam usaha menjadikan agenda perpaduan sebagai teras memperkukuhkan keharmonian nasional dengan menghargai kepelbagaian budaya, agama dan etnik.

# Bidang Tujahan

**Ikhtiar 1:  
Ekosistem  
Perpaduan**

**Ikhtiar 2:  
Harmoni  
MADANI**

**Ikhtiar 3:  
Eksplorasi  
Rukun  
Negara**

**Ikhtiar 4:  
Komuniti  
Sosio-  
Budaya**

**Ikhtiar 5:  
Tadbir Urus**

## 5. BIDANG TUJAHAN

Kementerian Perpaduan Negara beriltizam memperkukuh perpaduan sebagai pemacu dalam pelaksanaan inisiatif dan program perpaduan pada tahun 2025. Pendekatan ini menyokong visi Malaysia MADANI, yang mempromosikan perpaduan melalui nilai-nilai Faham, Hormat dan Terima. Bagi merealisasikan konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian, Kementerian Perpaduan Negara memperkenalkan lima (5) ikhtiar utama melalui pelbagai inisiatif strategik:

### ▶ Ikhtiar 1: Ekosistem Perpaduan

Ikhtiar ini akan menumpukan pemerkasaan jentera perpaduan dan pembangunan komuniti menerusi aktiviti perpaduan. Pelaksanaan program dan aktiviti yang dirangka dalam mewujudkan tapak integrasi ke arah mewujudkan masyarakat yang lebih makmur dan harmoni menyumbang kepada kestabilan negara. Ini termasuklah program-program yang dilaksanakan oleh Yayasan di bawah Kementerian Perpaduan Negara iaitu Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) dan Yayasan Tun Razak (YTR).

### ▶ Ikhtiar 2: Harmoni MADANI

Ikhtiar ini dirangka sebagai medium untuk memperluas dan memperkukuhkan lagi kefahaman masyarakat mengenai agenda perpaduan. Prinsip Faham, Hormat dan Terima akan dijadikan asas dalam membentuk kesepakatan dalam kalangan rakyat yang berbilang agama, budaya dan adat resam.

### ▶ Ikhtiar 3: Eksplorasi Rukun Negara

Ikhtiar ini bertujuan meningkatkan penghayatan dan pengamalan nilai Rukun Negara dalam kehidupan seharian di pelbagai lapisan masyarakat. Ini bagi memastikan pemahaman budaya, kenegaraan dan nilai-nilai perpaduan dapat diperkukuhkan ke arah pembentukan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat.

### ▶ Ikhtiar 4: Komuniti Sosio-Budaya

Ikhtiar ini bertumpu kepada usaha meningkatkan kesedaran, memupuk minat, mengenali jati diri, memahami sejarah, ketamadunan serta warisan negara. Pelbagai program dan aktiviti telah dirangka dan akan dilaksanakan di bawah Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

### ▶ Ikhtiar 5: Tadbir Urus

Ikhtiar ini difokuskan kepada pemantapan pengurusan sumber, kewangan dan fasiliti secara bersepadu di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi bagi menyokong pelaksanaan program dan aktiviti perpaduan.

# *Senarai Program Kementerian*

## 6. SENARAI PROGRAM KEMENTERIAN

### Ikhtiar 1: Ekosistem Perpaduan

BIL	FOKUS	NAMA PROGRAM	PELAKSANA
1	Program	Pelancaran Minggu Sambutan Perpaduan	BKS
		Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Perlis	
		Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan	
		Liga Sukan UNITI	
		Harmony Parade	
		Sound of Harmony	
		Majlis Pelancaran Portal Geran NGO	

### Ikhtiar 2: Harmoni MADANI

BIL	FOKUS	NAMA PROGRAM	PELAKSANA
1	Program	Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia	BKN

### Ikhtiar 3: Eksplorasi Rukun Negara

BIL	FOKUS	NAMA PROGRAM	PELAKSANA
1	Kanak-Kanak	Simposium Pendidikan Rukun Negara Pra Sekolah	BKN, KPN
2	Belia	Sambutan 55 Tahun Rukun Negara (Beserta Amanat)	
3	Orang Awam	Wacana Keselamatan dan Patriotisme	

### Ikhtiar 5: Tadbir Urus


BIL	FOKUS	NAMA PROGRAM	PELAKSANA
1	Program	Majlis Amanat YBM Tahun 2025	BKP
		Sambutan Hari Wanita KPN	
		Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPN	
		Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang KPN	
		Majlis Iftar Warga KPN	
		Majlis APC dan Persaraan	
2	Projek	Majlis Penyerahan Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan serta Majlis Perasmian Bangunan Perpustakaan Negara Malaysia	BKEP
		Majlis Penyerahan Projek PRT Taman Intan Duyung, Port Dickson	
		Majlis Penyerahan Projek PRT Bandar Jerantut	



# *Agenda Reformasi*

## 7. AGENDA REFORMASI KEMENTERIAN

Kementerian Perpaduan Negara menyambut baik Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam yang memberi penekanan kepada lima (5) fokus Bidang Keberhasilan Reformasi (BKR). Kementerian menyokong penuh agenda yang diperkenalkan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara. Lima fokus tersebut adalah seperti berikut:



### a) Penghayatan Nilai dan Tatakelola

Penekanan kepada prinsip-prinsip moral, etika, dan kepimpinan yang baik bagi memastikan pentadbiran pengurusan yang cekap, adil, dan berintegriti. Pelaksanaan program/ aktiviti meliputi:

- Program Pengukuhan Tatakelola dan Integriti; dan
- Pengwujudan Garis Panduan Pembudayaan Nilai KPN.

### b) Pembangunan Modal Insan

Penekanan kepada usaha-usaha yang sistematik dan bersepadu untuk meningkatkan potensi individu melalui pelbagai bentuk pendidikan, latihan dan pembangunan kemahiran bagi menghasilkan tenaga kerja yang berdaya saing, inovatif dan berkualiti meliputi aktiviti berikut:

- Pembangunan Pelan Penggantian Organisasi Jabatan;
- Pembangunan Pelan Operasi Latihan 2025; dan
- Pengenalpastian '*Subject Matter Expert*' (SME) di Kementerian.

### c) Pembangunan Organisasi

Usaha-usaha yang dilakukan untuk memperbaharui, mempertingkatkan, dan menyesuaikan struktur, budaya, sistem dan proses dalam sesebuah organisasi agar ia lebih efisien, berdaya saing dan mampu menghadapi cabaran terhadap perubahan. Program dan aktiviti seperti berikut:

- Kajian Penstrukturan Semula Organisasi;
- Pelan Inovasi dan Kualiti Kementerian; dan
- Aliran komunikasi yang terbuka dan efektif.

**d) Penyampaian Perkhidmatan**

Usaha-usaha untuk memperbaiki cara dan kaedah penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan, kualiti dan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan meliputi tindakan-tindakan seperti berikut:

- Pembangunan '*Blueprint*' Pendigitalan RMK -13;
- Peningkatan kualiti penyediaan dokumen Perjanjian;
- Kajian Semula Perundangan Utama (Akta) dan Perundangan Subsidiari di bawah Agensi KPN;
- Turun padang/program '*touch point*' di kawasan luar bandar;
- Pembangunan Pelan Komunikasi & Pelan Media 2026 – 2028; dan
- Pelaksanaan program-program perpaduan '*flagship*' berimpak tinggi.

**e) Sinergi Awam dan Swasta**

Pelaksanaan kerjasama strategik antara sektor Kerajaan dan sektor swasta dalam pelaksanaan program-program bagi memperkasa agenda perpaduan nasional.

- Penekanan kepada program kerjasama bersifat '*Whole-of-Government*' (WOG);
- Menggalakkan perkongsian sumber dan kewangan bersama Kerajaan dan swasta; dan
- Penerapan teknologi dan inovasi.

# *Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional*

## ASPIRASI DAN NARATIF KETUA PENGARAH JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL



Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional komited untuk meneruskan usaha-usaha pengukuhan perpaduan bagi memastikan masyarakat yang pelbagai etnik, latar dan budaya dapat dijelmakan melalui pelaksanaan program yang lebih inklusif serta meningkatkan penglibatan belia dalam kepimpinan komuniti. Antara aspirasi jabatan adalah seperti berikut:

- Memperkasa Komuniti yang inklusif dengan merangka pelaksanaan peluasan inisiatif pemerkasaan Rukun Tetangga sebagai penggerak Komuniti Progresif yang melibatkan penjana ekonomi bagi mempertingkatkan pendapatan isi rumah dan dalam masa yang sama membantu mengurangkan kos sara hidup komuniti.
- Pendigitalan Perpaduan Secara Menyeluruh bagi memastikan penggunaan teknologi digital sebagai alat untuk mengukuhkan hubungan dan perpaduan antara penjawat awam dengan komuniti. Ia juga bagi meningkatkan tahap literasi dan transformasi digital selaras dengan matlamat memperluaskan aksesibiliti maklumat dan meningkatkan produktiviti jabatan.
- Memperkukuhkan Inisiatif Harmoni Madani dengan meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam ke arah memperkukuhkan keharmonian dan perpaduan. Menyebarkan konsep asas integrasi nasional iaitu Faham, Hormat dan Terima.
- Mempertingkatkan promosi dan publisiti secara cekap dan berkesan dengan memanfaatkan media arus perdana dan media sosial secara positif bagi untuk menyebarkan mesej perpaduan dan kenegaraan, pelaksanaan aktiviti dan program jabatan.

### **DATUK CHE ROSLAN BIN CHE DAUD**

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

## II. VISI, MISI dan LATAR BELAKANG

### Visi

Peneraju perpaduan dan keharmonian negara Malaysia

### Misi

Memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian negara berasaskan Perlembagaan dan Rukun Negara

### Latar Belakang

Peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 telah membuka mata pelbagai pihak tentang pentingnya usaha-usaha yang lebih serius diberikan tumpuan dalam menguruskan perbezaan serta sensitiviti yang terdapat dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia. Berikutan peristiwa itu, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) telah ditubuhkan. Pada 1 Julai 1969, Jabatan Perpaduan Negara di bawah perintah MAGERAN telah diwujudkan bagi menangani isu-isu berhubung pembinaan semula perpaduan masyarakat di negara ini pada waktu itu.

Selepas pembubaran MAGERAN, Majlis Penasihat Perpaduan Negara telah ditubuhkan iaitu pada 23 Februari 1971. Tanggungjawab bagi memupuk dan memelihara perpaduan di antara kaum di negara ini terus diletakkan di bawah Jabatan Perpaduan Negara. Diantara 1990 – 2004, Jabatan Perpaduan Negara telah diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sebelum diletakkan semula di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan nama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Selepas itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah ditempatkan di beberapa Kementerian seperti Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Jabatan Perdana Menteri. Pada 10 Mac 2020, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah diletakkan di bawah pengurusan Kementerian Perpaduan Negara sehingga kini.

## III. IMBASAN TAHUN 2024

Sepanjang tahun 2024, pelbagai cabaran dan pengalaman yang telah diharungi jabatan dalam memastikan usaha-usaha pengukuhan perpaduan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Terutamanya dalam pelaksanaan inisiatif pemeraksanaan RT Progresif, Meremajakan Skim Rondaan Sukarela (SRS), Mengangkasa Mediator Komuniti, Harmoni Madani, Pendidikan Perpaduan dan penerapan budaya pembelajaran dalam organisasi (*learning organization*).

Antara cabaran utama jabatan adalah dalam pengurusan perpaduan yang dilaksanakan jabatan iaitu dalam menguruskan sensitiviti antara kaum, meningkatkan penglibatan masyarakat dalam program perpaduan dan menangani persepsi negatif yang wujud antara pelbagai kumpulan etnik. Berikut adalah antara cabaran-cabaran perpaduan:

### a) Jurang Interaksi Antara Kaum dan Polarisasi Kaum

Terdapat kecenderungan masyarakat untuk berinteraksi dalam kelompok kaum dan agama masing-masing khususnya apabila tinggal dalam komuniti yang eksklusif dan terpencil. Perkara ini dapat mengurangkan peluang interaksi antara kaum yang akhirnya boleh menyemai perasaan stigma, prejudis dan stereotaip dengan kaum lain. Usaha jabatan adalah sangat penting untuk mengenal pasti perkara ini dan membina platform dan program yang benar-benar efektif untuk merapatkan jurang ini tanpa menyinggung sensitiviti mana-mana pihak.

**b) Sentimen Politik Yang Menggugat Keharmonian**

Isu-isu viral dan retorik perkauman yang dimainkan oleh sesetengah ahli politik boleh memecahbelahkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Persepsi yang negatif dan salah faham yang wujud disebabkan perkara ini boleh menjejaskan keharmonian dan kedamaian masyarakat. Sehubungan itu, pendidikan kenegaraan dan kepimpinan matang dalam kalangan komuniti adalah perlu supaya masyarakat berupaya menolak politik yang berbau kebencian yang dimainkan.

**c) Pengurusan Isu Perpaduan Menerusi Media Sosial**

Media Sosial telah menjadi medium utama yang digunakan dalam hebahan dan penyebaran maklumat dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, ia juga seringkali digunakan untuk menyebarkan sentimen atau provokasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tindakan tersebut boleh menjejaskan keharmonian masyarakat sekiranya tidak dikawal dan diuruskan dengan baik. Sehubungan itu, hebahan, publisiti dan promosi bagi pengukuhan perpaduan dan kenegaraan perlu lebih banyak dilaksanakan di media sosial supaya imej dan sensitiviti negatif masyarakat dapat diuruskan dengan baik melalui penyampaian maklumat berimpak, berkesan dan berterusan.

**d) Promosi dan publisiti**

Media arus perdana berperanan dalam menyebarkan mesej-mesej perpaduan. Promosi dan publisiti wajar dipertingkatkan agar strategi '*eye ball*' berjaya menembusi segenap lapisan masyarakat di seluruh negara. Keberkesanan promosi dan publisiti akan menjamin rakyat supaya lebih cakna dengan inisiatif-inisiatif media sosial dan medium hebahan tradisional yang digunakan sepenuhnya bagi mencapai matlamat pengukuhan perpaduan.

**e) Jurang Digital, Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT)**

Pada masa ini, terdapat keperluan untuk mengharungi perkembangan pesat teknologi komunikasi dan digitalisasi. Manfaat pendigitalan masih belum dapat dinikmati oleh setiap kumpulan masyarakat khususnya di kawasan luar bandar yang mempunyai capaian internet yang kurang stabil. Kemampuan sesetengah kumpulan masyarakat mengadaptasi teknologi baru juga menyebabkan ketidaksamarataan penggunaan ICT dalam aktiviti seharian. Sehubungan itu, pengetahuan dan kemahiran baru berkaitan perkembangan teknologi moden ini perlu dikuasai segera supaya tiada siapa ketinggalan dalam menghadapinya.

**f) Keperluan Pendidikan Kenegaraan dan Penghayatan Rukun Negara**

Menerapkan pendidikan holistik mengenai kenegaraan dan memperkukuh penghayatan terhadap Rukun Negara yang dapat memupuk amalan perpaduan. Pendidikan ini amat penting bagi menyemarakkan semangat cinta akan negara selain mempelajari kepelbagaian budaya supaya dapat menghormati sekaligus memperkukuhkan perpaduan di Malaysia.

**g) Tadbir Urus Tanah dan Premis Perpaduan**

Terdapat keperluan bagi penyelarasan dan pemutihan tanah bagi premis perpaduan di seluruh Malaysia. Ini kerana terdapat sebanyak 715 bangunan/premis Jabatan yang didirikan di atas tanah bukan milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang terdiri daripada tanah Kerajaan, tanah persendirian, tanah rizab dan tanah wakaf. Langkah pemutihan yang boleh diambil ke atas tanah-tanah ini termasuklah pengambilan tanah, permohonan permemberilikan, permohonan perizaban atau pembelian. Tindakan ini perlu dilaksanakan dengan cekap dan teratur supaya imej dan nama baik jabatan terpelihara.

#### IV. HALA TUJU JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL TAHUN 2025

Pada tahun 2025, langkah-langkah strategik yang progresif dan inklusif akan dilaksanakan bagi memastikan agenda pengukuhan perpaduan dapat dilaksanakan. Antara halatuju jabatan pada tahun 2025 adalah seperti berikut:

##### a) Inisiatif Pemerksaan Rukun Tetangga Progresif

Inisiatif Rukun Tetangga Progresif sebagai penggerak Komuniti Progresif adalah tunjang utama dalam membina masyarakat yang bersatu padu. Peluasan 300 KRT pada tahun 2025 diharapkan dapat membantu mengurangkan kos sara hidup komuniti dengan peningkatan penjanaan pendapatan. Selain itu ia dapat membantu kerajaan dalam bidang keterjaminan makanan.

##### b) Pendigitalan untuk Perpaduan

Pendigitalan adalah asas yang penting pada masa kini bagi memudahkan tugas harian dalam penyampaian perkhidmatan. Sehubungan itu, jabatan akan melaksanakan transformasi pendigitalan yang turut melibatkan proses kerja yang dilaksanakan untuk memudahkan komunikasi dan penglibatan komuniti dalam program perpaduan. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Platform bersepadu yang menyatukan semua komponen, perkhidmatan dan aplikasi ke dalam satu ekosistem yang koheren serta berfungsi dengan lancar. Pendekatan modular akan membenarkan modul-modul dan sistem-sistem berfungsi secara bebas. Penerapan teknologi baharu (*emerging technologies*) seperti kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things* (IoT), data raya (*Big Data*), rantai blok (*Blockchain*) dan analisis data bersesuaian dengan keperluan dan teknologi semasa.

Pemerksaan teknologi seperti '*digital contents*' dan penggunaan '*smart board*' dalam persekitaran Tabika Perpaduan. Komuniti RT diperkasakan dengan teknologi terkini seperti '*live patrolling*' untuk Skim Rondaan Sukarela (SRS). Semua jenis permohonan dilaksanakan secara *end-to-end*. Pengesanan isu bakal menggunakan teknologi terkini AI.

##### c) Pemutihan Tanah

Proses pemutihan bertujuan untuk mengenal pasti status pemilikan, mengelakkan pertindihan tuntutan dan memastikan penggunaan tanah selaras dengan peruntukan undang-undang. Proses tersebut melibatkan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Tanah dan Ukur Sabah (JTUS), Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTS) dan kerajaan-kerajaan Negeri.

##### d) Keselamatan dan Ketahanan Komuniti

Program yang berfokus kepada aspek Keselamatan dan Ketahanan Komuniti adalah bertujuan untuk mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat dan kondusif melalui penglibatan sukarela komuniti dalam Skim Rondaan Sukarela (SRS). Aktiviti kawalan dan rondaan oleh anggota SRS dapat meningkatkan tahap rasa selamat dalam kalangan komuniti dan mengurangkan kadar jenayah dalam kawasan kejiranan. Sehubungan dengan itu, pihak jabatan akan memperluaskan inisiatif Meremajakan SRS melalui penyediaan peralatan kawalan dan rondaan yang lebih berkualiti, penggunaan aplikasi digital MySRS untuk pengoperasian SRS secara 'real time', meningkatkan penglibatan golongan muda dalam SRS melalui Kempen 1 Keluarga 1 Anggota SRS dan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan SRS melalui kursus dan latihan secara berterusan.

### **e) Inisiatif Mengangkasa Mediator Komuniti**

Bilangan Mediator Komuniti di Malaysia masih jauh daripada piawaian yang ditetapkan di peringkat antarabangsa iaitu nisbah 1 mediator: 20,000 orang penduduk dalam memberikan perkhidmatan. Namun begitu, konflik di peringkat komuniti masih perlu diurus dengan bijaksana dan berhemah melalui medium pengantaraan seperti yang dilaksanakan oleh Mediator Komuniti. Sehubungan itu, pihak jabatan akan melatih lebih ramai Mediator Komuniti dan tumpuan diberikan di kawasan dengan populasi padat atau kadar konflik yang tinggi. Selain itu, kolaborasi strategik antara agensi bagi peluasan Pusat Mediasi Komuniti dilaksanakan untuk meningkatkan akses dan capaian perkhidmatan mediasi oleh orang awam.

### **f) Pendidikan Awal Kanak-Kanak Sebagai Asas Perpaduan**

Pendidikan adalah medium dan asas utama perpaduan. Melalui pendidikan yang holistik dan menyeluruh, modal insan negara dapat dilahirkan bagi pembentukan sebuah negara bangsa yang bersatu padu. Oleh itu, peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran di Tabika dan Taska Perpaduan telah diberi keutamaan di peringkat jabatan. Antara perkara yang difokuskan adalah dengan melatih tenaga pengajar bagi meningkatkan profesionalisme masing-masing. Selain itu, jabatan juga telah memperkenalkan modul kenegaraan dan bahan pendidikan yang menekankan nilai-nilai perpaduan dan keharmonian untuk memberi jaminan asas perpaduan terbaik sejak awal pendidikan lagi.

### **g) Promosi dan Publisiti**

Media arus perdana dan media sosial sememangnya memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan mesej-mesej perpaduan. Walau sebanyak manapun aktiviti dan program yang dilaksanakan tidak akan memberi impak yang meluas sekiranya hebahan dan promosi tidak dilaksanakan. Sehubungan itu, strategi 'eye ball' perlu diberi penekanan supaya semua aktiviti yang dilaksanakan akan dapat menerobos dalam pengetahuan masyarakat di seluruh negara. Peningkatan usaha promosi ini perlu diperkukuhkan dan disebarluaskan supaya lebih ramai rakyat sedar dan terlibat dalam inisiatif perpaduan ini. Media sosial dan medium hebahan tradisional akan digunakan sepenuhnya bagi pencapaian matlamat berkenaan.

### **h) Pengukuhan Tatakelola dan Integriti**

Tatakelola dan integriti yang baik adalah asas kepada kejayaan sesebuah organisasi. Sehubungan itu, jabatan akan terus komited untuk memastikan pengurusan program-program perpaduan dilaksanakan secara telus, cekap, dan berintegriti. Pengukuhan tatakelola jabatan juga dilaksanakan bagi memastikan warga jabatan sentiasa memegang nilai-nilai sejagat sebagai teras utama dalam penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

### **i) Pembangunan Kapasiti dan Bina Upaya (*Capacity Building*)**

Pembangunan kapasiti pegawai Jabatan dan kepimpinan komuniti sebagai jentera perpaduan akan terus diperkukuhkan dan diperkemaskan bagi memastikan Jabatan ini tidak ketinggalan dalam arus perdana. Bengkel, latihan, kemahiran, perkongsian pengetahuan dan pengalaman serta peluang pembangunan kapasiti akan terus dipertingkatkan. Justeru, Jabatan optimis meningkatkan kemampuan pegawai menjadi pakar bidang khusus (*Subject Matter Expert*) melalui Pelan Operasi Latihan 2025 dan Pelan Pembangunan Profesional Pegawai Perpaduan 2025. Kedua-dua pelan ini sebagai panduan strategik dan sumber rujukan IKLIN dalam menyusun latihan yang dapat melengkapkan pegawai dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang relevan agar dapat menangani cabaran semasa dan akan datang.

**V. SENARAI PROGRAM TAHUN 2025 JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

BIL	IKHTIAR	FOKUS	PROGRAM
1	Ikhtiar 1: Ekosistem Perpaduan	Kawasan Rukun Tetangga	Inisiatif Pemerksaan RT sebagai Penggerak Komuniti Progresif (RT Progresif)
2			Sambutan 50 Tahun Rukun Tetangga (Jubli Emas)
3			Konvensyen Perdana Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan
4			Karnival Ekonomi Rukun Tetangga Kebangsaan 2025
5			Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Perpaduan 2025
6			Majlis Anugerah Perdana Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan
7			Konvensyen RT Progresif
8		Skim Rondaan Sukarelawan	Program Pengukuhan Keselamatan dan Ketahanan Komuniti (Dialog/ Taklimat Keselamatan Komuniti, Jom Ronda Bersepadu SRS, Kempen 1 Keluarga 1 Anggota SRS)
9			Konvensyen Skim Rondaan Sukarela Kebangsaan
10		Tabika Perpaduan	Program Cilik Perpaduan Kembali ke Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan
11			Majlis Anugerah Star Rating dan Konvensyen Tabika Perpaduan
12	Ikhtiar 1: Ekosistem Perpaduan	Belia Unifi	Program Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa
13	Ikhtiar 2: Harmoni MADANI	Program	Jejak Harmoni Metasemesta
14			Program Harmoni Madani
15		Kempen	Dokumentari Jejak Harmoni
16			Podcast Bicara Harmoni bersama YBM
17		Pengurusan Perpaduan	Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara
18		Mediator Komuniti	Projek Sosial Kolaboratif: Mediasi Komuniti untuk Komuniti (K2K)
19			Connect @ Seminar Mediasi Komuniti 2025
20	Ikhtiar 3: Eksplorasi Rukun Negara	Belia	Konvensyen Sekretariat Rukun Negara
21			Program Silang Budaya: Gerak Integrasi Pelajar (GRIP)
22			Kem Perpaduan Anak Malaysia Kebangsaan
23			Citra Negaraku
24			Pertandingan Pidato Perpaduan Peringkat Kebangsaan

## VI. AGENDA REFORMASI JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

### a) Penghayatan Nilai dan Tatakelola

Penekanan kepada prinsip-prinsip moral, etika, dan kepimpinan yang baik bagi memastikan pentadbiran pengurusan yang cekap, adil, dan berintegriti. Pelaksanaan program/aktiviti meliputi:

- Pelaksanaan Pelan Antirasuah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional 2023-2027;
- Pembangunan modul bagi penerapan, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dan semangat patriotisme; dan
- Penetrasi Jiwa Watan.

### b) Pembangunan Modal Insan

Penekanan kepada usaha-usaha yang sistematik dan bersepadu untuk meningkatkan potensi individu melalui pelbagai bentuk pendidikan, latihan dan pembangunan kemahiran bagi menghasilkan tenaga kerja yang berdaya saing, inovatif dan berkualiti meliputi aktiviti berikut:

- Pemantapan Skim Sosial Perpaduan melalui latihan berterusan;
- Pembangunan Pelan Kerjaya; dan
- Pemantapan kajian-kajian dan penyelidikan berkaitan perpaduan.

### c) Pembangunan Organisasi

Usaha-usaha yang dilakukan untuk memperbaharui, mempertingkatkan, dan menyesuaikan struktur, budaya, sistem dan proses dalam sesebuah organisasi agar ia lebih efisien, berdaya saing dan mampu menghadapi cabaran terhadap perubahan. Program dan aktiviti seperti berikut:

- Pengukuhan perjawatan;
- Pusingan kerja; dan
- Peningkatan budaya kerja berprestasi tinggi.

### d) Penyampaian Perkhidmatan

Usaha-usaha untuk memperbaiki cara dan kaedah penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan, kualiti dan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan meliputi Tindakan-tindakan seperti berikut:

- Pendigitalan perkhidmatan perpaduan (e-TP, 'Dashboard' Analitik dan SISMAP);
- Penyediaan premis perpaduan yang kondusif;
- Kajian keberkesanan / maklum balas kepuasan pelanggan; dan
- Semakan pekeliling dan prosedur sedia ada.

### e) Sinergi Awam dan Swasta

Pelaksanaan kerjasama strategik antara sektor Kerajaan dan sektor swasta dalam pelaksanaan program-program bagi memperkasa agenda perpaduan nasional.

- Pengukuhan promosi perpaduan; dan
- Kolaborasi strategik perpaduan dengan NGO, swasta, GLC, GLIC melalui nota / memorandum kerjasama.

# Pesona Telepuk

SENI PERADA EMAS  
*Telepuk: The Art of Gold Leaf*

PEMERAN | EXHIBITION  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

YUSUF HASAN

Clasificación: *Lamor Dollar*  
*Sin Edad*

JABATAN MUZIUM MALAYSIA  
جهاز المتاحف ماليزيا

# Jabatan Muzium Malaysia

## ASPIRASI DAN NARATIF KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA

*“A museum is a not-for-profit, permanent institution in the service of society that researches, collects, conserves, interprets and exhibits tangible and intangible heritage. Open to the public, accessible and inclusive, museums foster diversity and sustainability. They operate and communicate ethically, professionally and with the participation of communities, offering varied experiences for education, enjoyment, reflection and knowledge sharing.”*

*26th ICOM General Assembly in Prague, 2022*



Kesedaran untuk menubuhkan muzium bertitik tolak daripada rasa kasih dan cinta kepada khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa. Muzium dilihat sebagai institusi pembinaan minda yang berpotensi membawa agenda kesedaran terhadap budaya bangsa.

Sebagai ‘*custodian of heritage*’, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menggalas tugas dan tanggungjawab yang besar. Peranan muzium dianggap sebagai satu institusi pelestarian warisan yang cukup signifikan dalam mencorakkan wajah budaya dan mengekal identiti bangsa. Kemajmukan masyarakat menjadikan khazanah artifak kita lebih bermakna dan tinggi nilainya. Harmoni Dalam Kepelbagaian menterjemahkan keupayaan muzium untuk memperkukuh perpaduan nasional dalam konteks permuziuman.

Peranan tradisional kurator yang dianggap sebagai penjaga koleksi dan penyelidik telah mengalami transformasi yang ketara. Mendepani landskap yang sentiasa berubah, muzium perlu terus relevan dalam fungsi utamanya. Ia juga harus bersedia dijarar dengan setiap aspirasi kerajaan. Di peringkat global, muzium bukan lagi repositori atau pameran statik. Sebaliknya peranan institusi ini telah diperluas dengan merapatkan jurang antara artifak, sejarah dan masyarakat.

Jaringan kerjasama global diperluaskan rangkaiannya. Meraikan Kepengerusian ASEAN 2025, JMM pada tahun hadapan merancang penganjuran pameran bertema khas antarabangsa, *Fabrics of ASEAN* dan program *ASEAN Native Festivals*. Kolaborasi juga dipertingkatkan menerusi jalinan hubungan lebih erat bersama kedutaan asing termasuk Oman dan Turkiye bagi penganjuran program bertaraf antarabangsa bersempena sambutan Tahun Melawat Malaysia 2026.

Mendepani era dan cabaran masa hadapan, Jabatan Muzium Malaysia mengangkat visi “Peneraju Profesionalisme Permuziuman Negara Bertaraf Global” dan mendukung misi Memperkasakan Institusi Permuziuman Secara Mampan Melalui Pemantapan Fungsi dan Kualiti Perkhidmatan Permuziuman Secara Profesional, Kreatif, Inovatif dan Sinergi.

Penyampaian perkhidmatan akan diperkasa menerusi pendekatan PRIME dan Strategi AI. '*Prioritize action plan*' digerakkan dengan menyusun mengikut keutamaan bagi mencapai agenda yang dihasratkan. Ia termasuk penyusunan program yang bercirikan '*big, bold and beautiful*' sebagai premium list jabatan. Manakala penekanan kepada '*output*' dan '*outcome*' menerusi kajian impak menjadi pemantau, pengukur dan penilai prestasi bagi setiap program yang dilaksanakan.

Kejayaan Jabatan Muzium Malaysia dalam projek RKB (Reformasi Kerenah Birokrasi) baru-baru ini menjadi momentum kepada usaha jabatan untuk menambahbaik proses penyampaian perkhidmatan, meningkatkan pendigitalan dan memperluas jangkauan. Modal insan terus dibangunkan menerusi penyertaan dalam latihan kuratorial, persidangan dan forum dalam dan luar negara bagi memastikan pembentukan profesionalisme yang tinggi dalam kalangan pegawai.

Pendigitalan muzium akan dapat memastikan warisan budaya negara terus relevan dalam era digital dan dapat dinikmati oleh generasi kini dan masa hadapan, sekaligus memperkuat peranan Jabatan Muzium Malaysia. Pendigitalan muzium turut membantu kepada jangkauan kelompok sasar yang lebih luas menerusi IPIM (Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium). IPIM adalah program pendidikan muzium berstruktur menerusi sinergi bersama Kementerian Pendidikan Malaysia yang berteraskan konsep '*seeing is believing*' di muzium. IPIM akan diperkemas dengan pelaksanaan program secara dalam talian. Ini merupakan transformasi bagi membolehkan akses penyampaian perkhidmatan kepada semua.

Seluruh komuniti muzium antarabangsa termasuk Malaysia yang diwakili JMM akan berada di Dubai pada tahun hadapan (2025) bersempena *27th ICOM General Conference* bertemakan "*The Future of Museums in Rapidly Changing of Communities*". Ia merupakan suatu platform bagi membincangkan hala tuju dan masa hadapan permuziuman sejagat dalam mengadaptasi perubahan menerusi teknologi baharu untuk mentransformasikan muzium sebagai sebuah pusat kecemerlangan pembelajaran, inovasi dan eksplorasi budaya dan warisan.

Sebuah muzium melambangkan prestij sesebuah negara sebagai simbol kehebatan tamadun dan kekayaan khazanah yang dimiliki seluruh masyarakatnya. Justeru digarap Rang Undang-Undang Muzium Malaysia sebagai suatu strategi ke arah memperkasa profesionalisme institusi permuziuman negara.

Akhir kata, memetik hasrat yang dizahirkan YAB Perdana Menteri ketika kunjungan beliau ke Grand Egyptian Museum di Giza, Mesir pada 12 November 2024 yang lalu, "Perhebatkan muzium kita!"

**DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A.KASIM**

Ketua Pengarah

Jabatan Muzium Malaysia

## II. VISI, MISI dan LATAR BELAKANG

### Visi

Peneraju profesionalisme permuziuman negara bertaraf global.

### Misi

Memperkasakan institusi permuziuman secara mampan melalui pemantapan fungsi dan kualiti perkhidmatan permuziuman secara profesional, kreatif, inovatif dan sinergi.

### Latar Belakang

Sejarah permuziuman di Malaysia bermula seawal tahun 1883 dengan penubuhan Muzium Perak di Taiping. Pada tahun 1901 Jabatan Muzium Persekutuan telah ditubuhkan disusuli dengan Muzium Selangor dan Muzium Sarawak pada tahun 1904. Penubuhan muzium-muzium sebelum merdeka ini memperlihatkan kepentingan institusi permuziuman di Negara ini. Pada 31 Ogos 1963 Muzium Negara telah dibuka secara rasmi kepada orang ramai dan telah melakar impak yang begitu signifikan khususnya dalam usaha memelihara dan memulihara serta memartabatkan sejarah, budaya dan alam semulajadi Negara.

Nama Jabatan Muzium Malaysia (JMM) mula digunakan pada 1 Mac 2006 dan dikenali sebelum itu dengan nama Jabatan Muzium dan Antikuiti yang mula diguna pakai pada tahun 1993. Jabatan Muzium Malaysia telah ditubuhkan bagi menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semulajadi Negara serta menyebarkan ilmu pengetahuan khususnya melalui pameran serta program-program pendidikan dan pengembangan muzium.

## III. IMBASAN TAHUN 2024

Sepanjang tahun 2024, Jabatan Muzium Malaysia telah melaksanakan pelbagai program bagi merealisasikan misi Jabatan Muzium Malaysia iaitu memperkasakan institusi permuziuman secara mampan melalui pemantapan fungsi dan kualiti perkhidmatan permuziuman secara profesional, kreatif, inovatif dan sinergi. Muzium memiliki pelbagai kekuatan yang boleh dimanfaatkan untuk terus relevan dalam masyarakat. Antaranya adalah koleksi warisan yang bernilai tinggi dan pelbagai, yang mencerminkan identiti budaya dan sejarah negara. Rangkaian nilai serta jaringan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa juga menjadi kelebihan besar, membolehkan muzium bertukar kepakaran dan sumber. Selain itu, lokasi premis muzium yang strategik, kepakaran dalaman staf yang berkemahiran tinggi, serta bahan penyelidikan berkualiti yang sedia ada menjadikan muzium pusat rujukan yang kukuh. Semua ini membolehkan muzium memainkan peranan penting sebagai pusat pembelajaran, pemeliharaan budaya, perkumpulan aktiviti komuniti dan tarikan pelancongan.

Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang mesti diambil perhatian. Kelemahan ini perlu diatasi bagi menambahbaik penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Antaranya ialah kekurangan analisis impak terhadap projek yang dijalankan yang menyukarkan penilaian keberkesanannya. Selain itu, fasiliti dan prasarana yang kurang moden pula membatasi pengalaman pengunjung. Manakala strategi pemasaran masih lemah sehingga menghadkan keupayaan muzium untuk menarik generasi muda dan pelancong luar negara. Proses pembangunan kandungan yang mengambil masa, cabaran dalam mengekalkan integriti data koleksi, serta sensitiviti dan kompleksiti koleksi turut menjadi isu yang memerlukan perhatian khusus.

Dalam masa yang sama, masih wujud banyak peluang untuk muzium terus berkembang. Antaranya adalah potensi mendapatkan penajaan dan pendanaan daripada sektor swasta atau korporat, selain bantuan geran daripada kementerian seperti KPN dan MOTAC. Peluang pendigitalan juga terbuka luas untuk dimanfaatkan, membolehkan muzium memperluaskan capaian melalui platform digital. Kerjasama dengan komuniti setempat, terutamanya melalui Kawasan Rukun Tetangga (KRT) pula boleh diwujudkan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti muzium. Selain itu, generasi muda yang celik teknologi mempunyai keupayaan untuk membantu muzium memanfaatkan teknologi baharu dan membangunkan pendekatan kreatif dalam pameran serta aktiviti.

Di sebalik peluang tersebut, muzium menghadapi beberapa ancaman yang perlu diberi perhatian. Persaingan daripada pusat tarikan lain seperti taman tema dan hiburan digital boleh menjejaskan jumlah pengunjung ke muzium. Demikian juga dengan perubahan minat dan fokus generasi muda terhadap teknologi moden juga menjadi cabaran besar. Jika muzium gagal mengadaptasi perkembangan teknologi dengan cepat, ia berisiko untuk ketinggalan. Ancaman lain termasuk keselamatan siber, kos penyelenggaraan yang tinggi, serta kekangan bajet yang bergantung kepada peruntukan one-off. Di samping itu, kos tinggi untuk melibatkan 'key opinion leaders' (KOL) termasuk pempengaruh sosial media dalam promosi muzium juga membebankan tanpa jaminan keberkesanan.

#### IV. HALA TUJU JABATAN MUZIUM MALAYSIA TAHUN 2025

##### a) Program Berorientasikan Komuniti & Berimpak Tinggi

- Pemerkasaan Program Citra Nusa @ Muzium dan Fun @ Muzium menerusi dua (2) pendekatan;
- Pendekatan PRIME – ‘people centric’; ‘resilient’; ‘innovative’; ‘measured’; dan, ‘empowered’; Pendekatan *Associated & Integrated Strategy*, iaitu penekanan kepada konsep
- ‘Whole-of-Nation’ (WON) dengan penglibatan sektor swasta khususnya dan konsep ‘Whole-of-Government’ (WOG) yang melibatkan integrasi antara jabatan-jabatan kerajaan; Fokus untuk membangunkan kerjasama strategik dan sinergi antara agensi, kementerian, jabatan, swasta dan juga pihak industri;
- Program dirancang pengisian berpandukan kepada tiga (3) teras Malaysia MADANI iaitu Patriotisme dan Demokrasi; Identiti Nasional dan Ekosistem Perpaduan di bawah *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang memayungi 3 kluster utama program iaitu Semarak KENEGARAAN; Semarak PERPADUAN dan Komuniti RAHMAH; dan Pemantauan akan dibuat menerusi kajian impak bagi menilai keberkesanan dan prestasi
- program. Pemilihan lokasi mengikut kumpulan sasaran.

##### b) Hubungan Antarabangsa

- Penganjuran lebih banyak program permuziuman bertaraf antarabangsa dalam bidang berteraskan budaya dan warisan negara;
- JMM juga merancang melibatkan lebih banyak rakan strategik dalam penganjuran program antarabangsa termasuk persidangan, forum dan festival termasuk sambutan Hari Muzium Antarabangsa;
- JMM juga sedang merancang penganjuran pameran bertema khas antarabangsa *Fabrics of ASEAN*, program ASEAN Native Festivals dan pameran melibatkan beberapa negara seperti Oman dan Turkiye bersempena Kepengerusian ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026;
- Memperluas dan memperkukuh jaringan antarabangsa menerusi penyertaan secara aktif dalam pelbagai aspek termasuk persidangan, forum dan latihan profesional. JMM antara lain akan menganjurkan Seminar Antarabangsa Kajian Melayu-Jawa (SEMEJA 2025) “Memberdaya Komuniti Melalui Hubungan Rentas Budaya: Warisan sebagai Pemangkin Perpaduan dan Kelestarian” di Semarang, Indonesia pada 17 hingga 18 Jun 2025;
- Jalinan kerjasama berimpak tinggi yang memberi manfaat dan pulangan kepada negara seperti yang sedang dilaksanakan bersama Singapura yang melibatkan peminjaman koleksi dan latihan kepakaran pegawai;
- Memberi perhatian kepada kaedah untuk meningkatkan strategi pemasaran menerusi kerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) selain pemain industri pelancongan. Ia bertujuan bagi melaksanakan kempen pemasaran secara lebih efektif bukan sahaja di negara-negara ASEAN tetapi juga di China, Eropah dan Timur Tengah, dengan menonjolkan keunikan Muzium Negara; dan
- Pendekatan lain adalah menerusi kolaborasi bersama syarikat-syarikat pelancongan untuk memasukkan Muzium Negara sebagai destinasi wajib dalam pakej lawatan.

### c) Pendigitalan Muzium

- Seiring dengan ledakan '*emerging technologies*', strategi terus dirangka bagi menerokai dan membangunkan teknologi digital di muzium-muzium di bawah JMM;
- Menyuburkan semula minat masyarakat terhadap warisan bersifat '*tangible*' (ketara) dan '*intangible*' (tidak ketara) khususnya dalam kalangan generasi muda menerusi pendekatan '*rejuvenation of museums*' muzium (membangunkan muzium) melalui teknologi.
- Untuk tahun 2025, sebanyak RM2 juta diperuntukkan di bawah Belanja Pembangunan untuk Pembangunan Digital Pameran Muzium Negara yang akan mengaplikasikan teknologi seperti '*Interactive Wall*', '*Interactive Panel*', '*Video Wall*', '*AR Photobooth*', '*Chatbot*', '*Projection Mapping*' dan '*Immersive Technologies*' bagi meningkatkan pengalaman pelawat melalui penggunaan teknologi terkini dalam penyampaian informasi berkaitan koleksi, sejarah dan budaya dengan lebih menarik, kreatif dan interaktif. Ia adalah tambahan kepada teknologi yang telah diterokai dan dilaksanakan di Muzium Negara termasuklah pameran maya (*virtual 360 tour*) dan pelaksanaan pembayaran digital transaksi tanpa tunai bagi kemudahan orang ramai membeli tiket masuk ke Muzium Negara.

## V. SENARAI PROGRAM TAHUN 2025 JABATAN MUZIUM MALAYSIA

BIL	IKHTIAR	FOKUS	PROGRAM
1	Ikhtiar 4 Komuniti Sosio-Budaya	CITRA NUSA MUZIUM	Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2025
2			Asean Native Festival
3			Nostalgia Anak Kampung: Pusaka Tradisi
4			Fabric Of Asean
5			Program Perdana Bermalam Di Muzium
6		FIESTA UNITI@MUZIUM Fun@Muzium	Fun@Muzium Kota Kayang
7			Fun@Muzium Perak
8			Fun@Muzium Matang
9			Fun@Muzium Negara Aroma Kopi: Xpresi Seni Dan Budaya
10			Fun@Muzium Kota Kuala Kedah
11			Fun@Muzium Negara Festival Kartun Perpaduan
12		Fun@Muzium Sungai Lembing	
13		SEMINAR	ICOM Malaysia 2025 International Seminar
14			Seminar Antarabangsa Kajian Melayu-Jawa (Semeja 2025) "Memberdaya Komuniti Melalui Hubungan Rentas Budaya: Warisan Sebagai Pemangkin Perpaduan Dan Kelestarian"
15		INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM)	IPIM
16		PENDIGITILAN MUZIUM	a) Pembangunan Ekosistem Digital b) Pembangunan Koleksi Digital Artifak Warisan Negara c) Pembangunan Pameran Maya Muzium Alam Semulajadi d) Pembangunan Digital Pameran Muzium Negara e) Pendigitalan Buku Nadir
17			PROGRAM ANTARABANGSA

## VI. AGENDA REFORMASI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

### a) Sinergi Awam-Swasta

Mensasarkan kerjasama strategik bersama Agensi Awam/Kerajaan/Swasta dalam apa jua bidang, berkait dengan permuziuman bagi tujuan meningkatkan penyampaian perkhidmatan, melestari dan memartabatkan khazanah warisan negara meliputi kerjasama bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Agensi Nuklear Malaysia (ANM) serta beberapa syarikat dan institusi pengajian tinggi tempatan.

### b) Hubungan dan Kerjasama Antarabangsa

Kerjasama/kolaborasi di peringkat antarabangsa bagi tujuan meningkatkan penyampaian perkhidmatan, melestari dan memartabatkan khazanah warisan negara. Kerjasama strategik ini meliputi negara seperti Turkiye, Oman, Filipina, Singapura, China, Indonesia, Japan dan lain-lain.

### c) Semakan Sistem & Prosedur Kerja

Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan serta perluasan akses kepada orang ramai. Contoh; pelaksanaan transaksi tanpa tunai / 'cashless'; semakan berkala piagam pelanggan, pelaksanaan sistem penyelidikan secara dalam talian, pemantapan Garis Panduan dan 'standard operating procedure' (SOP).



اڤكيب نڠارا ملايسيا  
ARKIB NEGARA MALAYSIA

# *Arkib Negara Malaysia*

## ASPIRASI DAN NARATIF KETUA PENGARAH ARKIB NEGARA MALAYSIA



Arkib Negara Malaysia sebagai '*national content provider*' berperanan penting sebagai pusat penyelidikan bagi masyarakat memahami dan menghargai sejarah yang seharusnya turut menjadi pemangkin kepada aspirasi pembudayaan ilmu. Peranan ANM sentiasa dipertingkatkan kerana bahan arkib sebagai sumber sejarah primer amat dipandang tinggi sebagai inti pati kepada identiti kenegaraan yang dicerminkan melalui penulisan sejarah.

Arkib Negara Malaysia turut komited memperkasakan usaha menjejak dan mengumpul maklumat sejarah negara. Sumber sejarah yang sahih merupakan bahan bukti catatan perjalanan ketamadunan sesebuah negara dan merupakan jambatan penghubung sejarah masa lalu dan kini dalam mencorak masa depan negara. Rangkaian kerjasama bersama institusi kearkiban dan badan berkepentingan di dalam dan luar negara dibentuk sebagai usaha penyelidikan bersama dalam mengesan dan memelihara rekod bersejarah bagi penyediaan akses menyeluruh kepada seluruh masyarakat. Usaha berterusan amat penting bagi ANM menggiatkan pelbagai program pendokumentasian untuk mengisi jurang maklumat sejarah negara.

Arkib Negara Malaysia akan memberi sokongan padu menjayakan aspirasi KPN melalui inisiatif **Kembara Perpaduan, Ini Warisan Kita** di bawah kluster **Semarak Kenegaraan** dan **Semarak Perpaduan** dalam usaha mengukuhkan iltizam perpaduan, patriotisme dan jati diri rakyat serta pembinaan negara bangsa.

### **DATO' JAAFAR SIDEK BIN HJ. ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah  
Arkib Negara Malaysia

## II. VISI, MISI dan LATAR BELAKANG

### Visi

Peneraju pengurusan rekod dan pentadbiran arkib yang inklusif.

### Misi

Memastikan tadbir urus rekod dan arkib yang efisien dan efektif melalui teknologi terkini demi kepentingan negara dan kemakmuran bersama.

### Latar Belakang

Arkib Negara Malaysia telah ditubuhkan pada 1 Disember 1957 sebagai Pejabat Rekod Awam. Namun ia mula dikenali sebagai Arkib negara Malaysia pada 1963. Pada tahun 1966, Akta Arkib Negara No. 44 telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia. Pada tahun itu juga, bangunan Arkib Negara Malaysia di Petaling Jaya, Selangor telah dirasmikan. Pada 1982, bangunan baru Arkib Negara Malaysia telah berpindah di Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Pada tahun 2003, Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) telah diluluskan. Selanjutnya pada tahun 2004, Arkib Negara Malaysia telah diletakkan di bawah pemantauan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Pada tahun 2022, Arkib Negara Malaysia telah diletakkan di bawah pemantauan Kementerian Perpaduan Negara.

## III. IMBASAN TAHUN 2024

### a) Tatakelola Pengurusan Rekod Sektor Awam

Pengurusan rekod sektor awam merupakan aspek yang sangat penting dalam menjamin kelancaran operasi kerajaan dan penyampaian perkhidmatan yang efisien. Dengan pendekatan yang sistematik dan berterusan, sektor awam dapat meningkatkan ketelusan, kecekapan, serta memelihara rekod penting yang akan menjadi sumber sejarah yang bernilai. Bagi mencapai hasrat menjayakan tadbir urus rekod yang cemerlang, ANM mempergiat usaha mendekati pejabat awam melalui pelaksanaan Cakna Pengurusan Rekod, kursus dan bengkel yang diadakan dari semasa ke semasa.

### b) Pemerolehan Bahan Arkib

Pemerolehan dan pembelian dokumen bersejarah berkaitan Malaysia dari dalam dan luar negara akan mengubah landskap sejarah negara, melengkapkan jurang dan memperkaya koleksi sedia ada di ANM. Sumber sejarah yang bernilai ini amat signifikan sebagai bahan bukti untuk menyuburkan penyelidikan dan rujukan dalam pelbagai aspek termasuk kepentingan mengekalkan kedaulatan dan persempadanan negara, memangkin keselamatan kerajaan serta mengukuhkan pembinaan bangsa dan perpaduan negara. Natijahnya, usaha membawa balik dokumen bersejarah ini dapat melestarikan khazanah warisan dan memori institusi negara sebagai sumber rujukan sahih oleh generasi kini dan akan datang.

**c) Adaptasi Terhadap Perkembangan Teknologi**

Perkembangan teknologi yang pesat turut memberi impak kepada perkhidmatan ANM. Transformasi digital ini telah memperkasakan peranan ANM untuk memelihara khazanah digital negara. Pendigitalan bahan arkib di ibu pejabat dan ANM Negeri perlu ditingkatkan agar lebih banyak bahan sejarah dapat diakses dan diteroka oleh penyelidik. Pembangunan kapasiti kepakaran profesional juga perlu dibangunkan untuk memastikan pemeliharaan dan kelestarian rekod digital dalam jangka masa panjang. Selain itu, ANM akan bergerak proaktif untuk lebih memasyarakatkan bahan arkib dan mempromosikan produk arkib memorial melalui penggunaan teknologi terkini seperti AI, AR, VR, hologram, platform digital, media sosial dan lain-lain secara interaktif dalam memberikan 'experiential learning' kepada masyarakat khususnya generasi muda.

**d) Kerjasama dan Kolaborasi Strategik**

Pelaksanaan program secara kolaborasi strategik dengan pelbagai pihak pastinya memberi manfaat bukan hanya kepada ANM tetapi juga masyarakat. Kerjasama dengan rakan strategik melibatkan syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan lain-lain dapat memberi nilai tambah terhadap setiap pelaksanaan program. Konsep menang-menang (win-win) dapat diaplikasikan dalam usaha memantapkan sinergi memacu agenda perpaduan negara dan memperkasakan bidang kearkiban di negara ini.

**e) Kepentingan Kesedaran dan Pendidikan Masyarakat**

Kesedaran masyarakat tentang kepentingan arkib dan sejarah negara merupakan kunci untuk memastikan kejayaan pembinaan negara bangsa. Melalui pelbagai program advokasi dan pengembangan, ANM komited melaksanakan pendokumentasian maklumat sejarah negara seperti pengkisahan, bicara, polemik dan pameran. Pengalaman tokoh mahupun orang awam berkaitan peristiwa penting negara amat wajar didokumenkan dalam usaha memperkaya sumber sejarah negara dan mendidik masyarakat untuk menghargai nikmat kejayaan dan pembangunan kini.

**f) Kesan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Rekod**

Antara isu yang sering dibincangkan di peringkat antarabangsa berkaitan kearkiban ialah perubahan iklim. Di Malaysia kini, perubahan iklim turut memberi kesan yang sering membawa kepada bencana terutama melibatkan banjir. Fenomena ini bukan hanya terkesan kepada manusia tetapi juga rekod awam yang menjadi bukti sejarah pentadbiran organisasi. Sekiranya berlaku bencana dan merosakkan rekod, impak yang paling besar ialah kehilangan bukti ketamadunan bangsa. Justeru, persediaan menghadapi ancaman bencana perlu dipertingkatkan supaya rekod awam dapat diselamatkan melalui langkah mitigasi yang efektif dan efisien.

#### IV. HALA TUJU ARKIB NEGARA MALAYSIA TAHUN 2025

Dalam kepesatan perkembangan teknologi dan keperluan masyarakat, hala tuju ANM perlu disesuaikan agar visinya terus diperkasakan selari dengan tuntutan arus perdana.

Fungsi ANM akan terus diperkukuh melalui pindaan Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629] dan Peraturan-peraturan Arkib Negara (Fi) 2015. Pindaan ini merupakan langkah penting untuk memastikan sistem pengurusan rekod sektor awam kekal relevan demi menjaga keselamatan, ketelusan dan kecekapan dalam tadbir urus negara di samping memantapkan perkhidmatan ANM kepada masyarakat.

Inisiatif pendigitalan menjadi salah satu aktiviti utama ANM dalam meningkatkan perkhidmatan secara dalam talian dan memelihara khazanah digital negara. Penekanan terhadap pendigitalan diberi keutamaan selaras dengan hasrat YB Menteri Perpaduan Negara yang menyasarkan 50% bahan arkib audiovisual didigitalkan menjelang tahun 2025. Bagi memantapkan perkhidmatannya, ANM sedang membangunkan *Digital Records and Archival Management System* (D-ReAMS), suatu sistem bersepadu dengan kos bernilai RM 34 juta. Pelaksanaan *Digital Document Management System* (DDMS) di sektor awam turut melibatkan kepakaran ANM dalam bidang pengurusan rekod.

Susulan kejayaan penganjuran Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional 2024, salah satu resolusinya iaitu cadangan penubuhan Majlis Sejarawan Negara (MSjN). Majlis ini adalah merupakan suatu badan penasihat yang berautoritatif untuk memberikan pandangan dan nasihat kepada kerajaan berhubung hal ehwal berkaitan sejarah negara. Matlamatnya adalah untuk memperkasa perpaduan dan pemantapan jati diri serta pengukuhan negara bangsa dalam kalangan rakyat Malaysia. Keahlian MSjN akan dianggotai oleh ahli akademik dalam kalangan sejarawan, ahli arkeologi dan antropologi. Keurussetiaan MSjN adalah di bawah tanggungjawab ANM.

Galeria Seri Perdana (GSP) yang terletak di Jalan Damansara, Kuala Lumpur merupakan salah satu daripada 11 arkib memorial di bawah kendalian ANM yang ditubuhkan untuk memperingati dan mengenang jasa Perdana Menteri yang keempat. Dalam usaha untuk memelihara maklumat berkaitan tokoh negarawan, projek menaik taraf dan memulihara peragaan GSP dilaksanakan pada Jun 2023 hingga Disember 2024. Majlis Pembukaan Semula Galeria Seri Perdana akan diadakan pada tahun 2025.

Pelaksanaan program Arkib Komuniti akan menggalakkan penyertaan masyarakat bersama ANM untuk memperkaya maklumat sumber sejarah negara melalui tradisi lisan. Inisiatif ini secara tidak langsung memberi peluang kepada masyarakat untuk mendekati dan memahami fungsi ANM. Pendekatan 'outreach' dan 'reach out' ini dilaksanakan untuk mengukuhkan peranannya berkaitan fungsi ikhtisas pentadbiran arkib.

Inisiatif pendokumentasian sejarah negara akan terus dioptimumkan mengkhusus kepada bahasa kolokial dan kelestarian makanan tradisi. Bahasa kolokial memainkan peranan penting dalam perkembangan dan pensejarahan sesuatu bangsa serta menjadi elemen perpaduan. Keunikan resipi silam juga merupakan antara khazanah bernilai negara yang perlu diwarisi dan dilestarikan. Usaha murni ini dilaksanakan untuk mengelakkan kepupusan maklumat warisan makanan tradisi dan sebagai rujukan generasi akan datang. Selain itu, ANM akan melibatkan wira tak didendang (*unsung heroes*) terutama dalam kalangan orang awam daripada pelbagai kaum untuk berkongsi pengalaman dan sumbangan mereka berkaitan sesuatu peristiwa sejarah negara.

Generasi muda merupakan pewaris negara. ANM mengambil inisiatif untuk memperhebat program Arkib@Sekolah dalam mendidik semangat cintakan negara dan menghargai sejarah melalui penubuhan galeri maklumat sekolah. Program Bicara Kenegaraan akan diperluas kepada para pelajar secara berterusan dalam pelbagai pendekatan seperti lukisan mural dan persembahan teater agar generasi muda lebih mendalami dan menghayati asas Perlembagaan dan Rukun Negara. Selain itu, kefahaman berkaitan jata negara, bunga raya, lagu Negaraku dan sebagainya akan diterap dalam jiwa anak muda supaya menjadi rakyat yang menghargai tanah airnya.

Projek menaik taraf repositori dan Dewan Penyelidikan yang menyimpan khazanah negara dan menjadi lokasi penggunaan bahan arkib akan ditambah baik sejak mula diduduki pada tahun 1982. Melalui peruntukan belanjawan 2025, infrastruktur penting ini dinaik taraf dalam memastikan aspek penyimpanan dan pemeliharaan bahan arkib sumber primer sejarah negara selari dengan piawaian antarabangsa di samping menyediakan kemudahan penyelidikan yang lebih baik kepada penyelidik.

Bagi mengukuhkan peranan ANM dan memastikan keselamatan penyimpanan, pemeliharaan bahan rekod dan arkib sebagai memori institusi kepada khazanah negara yang tidak ternilai, perolehan tanah untuk pembinaan bangunan ANM Negeri Johor, Melaka dan Kelantan akan dimohon dalam Rancangan Malaysia Ke-13 di bawah 'Rolling Plan' (RP1) Tahun 2026.

Bagi memastikan penyimpanan rekod awam yang bernilai kekal akan lebih terpelihara dan kondusif, ANM akan membangunkan pusat rekod baharu di Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor. Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) dan Projek Maju Sdn. Bhd. (PMSB), anak syarikat Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). Pusat rekod baharu ini dijangka siap dibina pada tahun 2029.



## V. SENARAI PROGRAM TAHUN 2025 ARKIB NEGARA MALAYSIA

BIL	IKHTIAR	FOKUS	PROGRAM
1	Ikhtiar 4 Komuniti Sosio-Budaya	Arkib Komuniti	Tradisi Lisan: Perubatan Tradisional
2			Lestari Makanan Tradisi: Temasya Resipi Sajian Silam
3			Majlis Peluncuran Arkib Komuniti #komUNITIharmoni
4			Jejak Gen Z @ Memorial
5		Arkib Sekolah	SMK St. Mary, Sandakan: Bermulanya Di Sini
6			SMK Dabong: Deghak Sek Arkib Ke Dabong
7			SK Tunku Putera: Nostalgia Rundingan Baling (Baling Talks)
8		Majlis Sejarawan Negara	Majlis Peluncuran, Penyampaian, Watikah dan Mesyuarat Majlis Sejarawan Negara Bil.1/2025
9			Mesyuarat Majlis Sejarawan Negara Bil.2/2025
10		Pameran	Pameran dan Bicara Warisan Eksklusif Kesultanan Perak
11			Pameran dan Forum ASEAN: Keterangkuman dan Kemampanan
12		Sambutan	Jejak 20 Februari 1956: Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
13			Minggu P.Ramlee "Satu Dalam Sejuta"
14			Majlis Perasmian Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2025
15			Majlis Pembukaan Semula Galeria Sri Perdana
16			Majlis Mengenang Jasa Tun V.T Sambanthan: Menteri Perpaduan Pertama
17			Hari Audiovisual dan World Digital Preservation Day 2025
18			Hari Arkib
19		Kembara Harmoni Malaysia Merdeka	

BIL	IKHTIAR	FOKUS	PROGRAM
20		Persidangan/ Seminar	Seminar Warisan Asia Pasifik Surat Persendirian Baginda Omar
21			Seminar Kebangsaan Sejarah Lisan: Rakaman Memori Sumber Lisan
22			Seminar Sejarah Nasional
23			The 25th General Conference and the 26th Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA) Executive Board Meeting and International Symposium 2025
24			Cakna Arkib Negara Malaysia

## VI. AGENDA REFORMASI ARKIB NEGARA MALAYSIA

### a) Penghayatan Nilai dan Tatakelola

Penekanan kepada prinsip-prinsip moral, etika dan kepimpinan yang baik serta bersifat kenegaraan bagi memastikan pentadbiran pengurusan yang cekap, adil, dan berintegriti. Pelaksanaan program/aktiviti adalah meliputi:

- Kuiz sejarah;
- Pameran sejarah; dan
- Bicara sejarah oleh tokoh setiap bulan.

### b) Pembangunan Modal Insan

Penekanan kepada usaha-usaha yang sistematik dan bersepadu untuk meningkatkan potensi individu melalui pelbagai bentuk pendidikan, latihan dan pembangunan kemahiran bagi menghasilkan tenaga kerja yang berdaya saing, inovatif dan berkualiti meliputi aktiviti berikut:

- Penggiliran tugas setiap 5 tahun;
- Pengenalpastian 'Subject Matter Expert' (SME) jabatan;
- Penganalisan semula amalan jabatan;
- Pengenalpastian kerja terkumpul dan ramalan masalah yang akan memberi impak kepada sumber manusia;
- Pewujudan latihan khusus untuk mengenal pasti dan mengiktiraf SME;
- Pengurusan perubahan; dan
- Menyusun semula kemahiran dan bakat untuk meningkatkan pemikiran inovasi.

### c) Pembangunan Organisasi

Usaha-usaha yang dilakukan untuk memperbaharui, mempertingkatkan, dan menyesuaikan struktur, budaya, sistem dan proses dalam sesebuah organisasi agar ia lebih efisien, berdaya saing dan mampu menghadapi cabaran terhadap perubahan. Program dan aktiviti seperti berikut:

- Penganjuran program berbentuk sukan/ *'team building'*;
- Penawaran waktu bekerja fleksible dan bekerja dari rumah;
- Penganjuran program cakap baik-baik dan hormat antara satu sama lain;
- Penganugerahan Pekerja Cemerlang Bulanan; dan
- Penyusunan semula proses kerja jabatan dan disesuaikan dengan hala tuju negara.

### d) Penyampaian Perkhidmatan

Usaha-usaha untuk memperbaiki cara dan kaedah penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan, kualiti dan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan meliputi tindakan-tindakan seperti berikut:

- Turun padang/program *'touch point'* di kawasan luar bandar;
- Peraturan seperti kelulusan pelupusan diinovasikan agar perkhidmatan lebih cepat dan efisien;
- Mengoptimumkan penggunaan ICT – perkhidmatan secara dalam talian;
- Pelaksanaan DDMS sebagai salah satu hala tuju pendigitalan pengurusan rekod sektor awam;
- Pengurusan rekod digital sebagai agenda utama sektor awam dalam memberikan perkhidmatan merentas masa dan sempadan lokasi; dan
- Usaha pendigitalan terhadap seluruh bahan arkib.

### e) Sinergi Awam dan Swasta

Pelaksanaan kerjasama strategik antara sektor Kerajaan dan sektor swasta dalam pelaksanaan program-program bagi memperkasa agenda perpaduan nasional.

- Kolaborasi untuk menarik pengunjung dengan bantuan swasta melalui penyenggaraan secara kolaborasi;
- Cadangan pewujudan agensi swasta ANM bagi menjana pendapatan melalui perkhidmatan yang ditawarkan; dan
- Pelaksanaan kerjasama strategik melibatkan perkongsian latihan, infrastruktur, bajet dan keuntungan hasil.

# *Perpustakaan Negara Malaysia*

## ASPIRASI DAN NARATIF KETUA PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), sebagai salah satu agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN), menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memeta hala tuju dan memperkasakan peranan PNM. Ini dilakukan melalui strategi yang terperinci, pelan tindakan yang sistematik, serta petunjuk prestasi utama (KPI) yang berasaskan nilai-nilai bersama (*shared values*). PNM mengambil kira pelbagai tempoh, termasuk jangka pendek, jangka sederhana, dan jangka panjang, seperti yang telah digariskan oleh KPN.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, PNM berfokus kepada pengembangan perkhidmatan perpustakaan yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan masyarakat. Dengan pelaksanaan program-program yang menyokong perpaduan dan literasi di kalangan rakyat Malaysia, PNM bertekad untuk menjadi agen perubahan yang memupuk semangat perpaduan dan kecintaan terhadap ilmu pengetahuan. Sebagai penggerak dan peneraju program galakan membaca kebangsaan, PNM komited menyelaras dan melaksanakan program dan aktiviti galakan membaca secara berterusan, agresif, kreatif dan bersepadu. PNM memperkasakan program galakan membaca kepada semua lapisan masyarakat di seluruh negara tanpa mengira kaum mengikut tahap usia dan kelompok institusi termasuk golongan berkeperluan khas.

Pelaksanaannya sejajar dengan hasrat melahirkan masyarakat MADANI yang berilmu pengetahuan (*knowledge based society*), bersatu padu dan berbudaya nilai tinggi serta menyokong penuh gagasan Dekad Membaca Kebangsaan yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Pembaca menjelang tahun 2030 dan Dasar Perpaduan Negara 2021 – 2030. '*Business model*' perpustakaan berubah dari semasa ke semasa dan untuk menghasilkan anjakan pencapaian seperti yang dihasratkan PNM adalah dengan memfokuskan kepada pengambil alihan peranan daripada perkembangan teknologi masa kini yang menjadi tunjang utama dalam mewujudkan perkhidmatan penyampaian maklumat dengan lebih efektif, efisien dan berinovasi.

Tumpuan PNM adalah menerusi pemerksaan perpustakaan digital yang mengambil kira pembaharuan teknologi, akses kepada sumber koleksi perpustakaan, pembangunan kemahiran dan literasi digital, pengoperasian secara bersepadu dan perluasan perkhidmatan yang mudah diakses rakyat selari dengan transformasi digital Kerajaan. Teknologi Imersif (*immersive technology*) dilihat mempunyai potensi besar dalam memacu penyampaian perkhidmatan PNM yang relevan dan responsif kepada keperluan masyarakat dan negara.

Secara umumnya perpustakaan menjadi medium interaksi sosial yang merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dan seluruh kelompok masyarakat Malaysia dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja, dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi keseluruhannya. PNM juga amat menitikberatkan tadbir urus baik (*good governance*) bagi memastikan perkhidmatan perpustakaan mempunyai ekosistem tadbir urus atau tatakelola pengurusan dan penyampaian perkhidmatan yang mantap sebagai sektor awam.

Tumpuan turut diberikan kepada pengukuhan kepimpinan, pembangunan sumber manusia, tranformasi perpustakaan, pemerksaan modal insan, pendayaupayaan bakat, pemerksaan dasar dan perundangan, penyemarakan budaya kreativiti dan inovasi serta perluasan kerjasama peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Usaha yang dilaksanakan ini melibatkan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan keterjaminan penyampaian perkhidmatan perpustakaan yang inklusif dan relevan.

**ENCIK EDY IRWAN BIN ZULKAFLI**

Menjalankan Tugas-Tugas Ketua Pengarah  
Perpustakaan Negara Malaysia

## II. VISI, MISI dan LATAR BELAKANG

### Visi

Peneraju perkhidmatan perpustakaan dan maklumat negara.

### Misi

Mengungguli penyampaian perkhidmatan perpustakaan dan memelihara khazanah intelek negara secara holistik dan komprehensif ke arah membentuk masyarakat berpengetahuan.

### Latar Belakang

Usaha ke arah menubuhkan satu Lembaga Perpustakaan Negara dengan kuasa eksekutif telah digerakkan oleh The Malayan Library Group melalui satu memorandum yang telah dikemukakan pada tahun 1956. Mulai 1962, Yayasan Lee telah memulakan tabung Perpustakaan Negara dengan sumbangannya sebanyak RM500,000.00. Berikutan itu, laporan kajian telah disediakan oleh Arkib Negara dan Jawatankuasa Perpustakaan Negara telah diluluskan penubuhannya pada 1966 dengan pengerusi pertamanya Tan Sri Jamil Rais, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Perpustakaan Negara Malaysia telah ditubuhkan sebagai sebuah unit bawah Arkib Negara untuk melaksanakan Akta Pemeliharaan Buku-buku 1966 dan ditempatkan di Bangunan Persekutuan, Petaling Jaya. Pada tahun 1972 melalui Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972, perkhidmatannya telah diperluaskan untuk meliputi perkhidmatan rujukan dan beroperasi di Tingkat 6, Bangunan UMBC di Kuala Lumpur.

Statusnya sebagai sebuah Jabatan Kerajaan Persekutuan telah diperolehi dalam tahun 1977. Setelah menduduki beberapa premis ke arah menyediakan perkhidmatannya kepada awam, Perpustakaan Negara Malaysia telah pertama kalinya mendapat bangunannya sendiri di Jalan Tun Razak yang telah dirasmikan pada 16 Disember 1994.

## III. IMBASAN TAHUN 2024

Tahun 2024 mencatatkan pencapaian yang membanggakan bagi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melalui pelaksanaan pelbagai program strategik yang selari dengan dasar kerajaan dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Sokongan kukuh dari Kementerian serta kerjasama erat dengan institusi dalam dan luar negara telah memperkukuhkan kedudukan PNM sebagai peneraju warisan intelektual negara. Program seperti pengumpulan manuskrip Melayu, pembangunan koleksi khas, dan penggunaan platform digital seperti PNM TV Channel dan U-Pustaka telah meningkatkan akses kepada bahan bacaan berkualiti, sekali gus memupuk budaya ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat. Inisiatif ini turut disokong oleh penglibatan komuniti yang meluas serta sokongan kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan program berimpak tinggi.

Namun begitu, cabaran utama yang dihadapi termasuklah kekangan infrastruktur yang kurang kondusif, teknologi yang ketinggalan zaman, dan isu pengurusan modal insan. Ruang kerja yang terhad dan sistem penyimpanan data yang belum diselaraskan sepenuhnya menjadi hambatan dalam meningkatkan kecekapan operasi. Di samping itu, perubahan dasar kerajaan dan persaingan daripada platform teknologi komersial seperti Google dan Kindle turut menimbulkan ancaman kepada perkhidmatan PNM. Oleh itu, usaha berterusan perlu dipergiatkan dalam memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang, meningkatkan peruntukan dana, serta melaksanakan penyelarasan projek yang lebih berkesan agar PNM terus relevan dan mampu memberikan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat.

#### IV. HALA TUJU PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA TAHUN 2025

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertekad untuk memperkukuh peranannya sebagai peneraju utama dalam transformasi perkhidmatan perpustakaan negara. Berlandaskan visi strategik dan aspirasi pembangunan negara, PNM menetapkan tujuh fokus utama bagi tahun 2025 yang merangkumi pelbagai aspek pengurusan, perkhidmatan, dan pembangunan perpustakaan di Malaysia. Pendekatan ini dilaksanakan secara bersepadu dan progresif untuk memastikan PNM kekal relevan sebagai pusat ilmu dan budaya dalam mendukung pembangunan Malaysia Madani.

Fokus pertama menekankan pengukuhan kepimpinan profesional dengan tujuan memperkasa profesion kepustakawanan di Malaysia. Hal ini dicapai melalui pengukuhan hubungan antara Ketua Pengarah PNM dengan pelbagai sektor perpustakaan yang merangkumi perpustakaan akademik, awam, khas, dan sekolah. Melalui jalinan kerjasama yang erat ini, pembangunan strategik dan penyelarasan dasar perpustakaan akan lebih efektif dan menyeluruh. Selain itu, usaha memperkukuh modal insan turut diberi perhatian dengan pelaksanaan program pembangunan bakat dan latihan berterusan kepada para pustakawan. PNM juga berusaha meningkatkan kompetensi dan kemahiran profesional pustakawan melalui penyertaan aktif staf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia dalam landskap kepustakawanan global.

Fokus kedua adalah penambahbaikan dasar dan kerangka perundangan yang melibatkan semakan semula terhadap Akta PNM (Akta 80), termasuk dasar, peraturan, dan pekeliling perkhidmatan yang sedia ada. Penstrukturan semula ini bertujuan untuk memastikan kerangka perundangan selari dengan perubahan teknologi dan keperluan semasa masyarakat. Selain itu, PNM turut menyokong inklusiviti akses maklumat melalui pelaksanaan Triti Marrakesh yang memberikan kemudahan kepada golongan kurang upaya penglihatan untuk memperoleh bahan bacaan dan sumber ilmu dengan lebih mudah dan adil.

Fokus ketiga memberi tumpuan kepada pemerikasaan penyampaian perkhidmatan yang memfokuskan kepada usaha memperkukuhkan khazanah intelektual negara. PNM akan meningkatkan pendigitalan koleksi penting negara dan pada masa yang sama melaksanakan promosi yang lebih berkesan bagi menggalakkan penggunaan perpustakaan. Inisiatif ini bukan sahaja merangkumi Perpustakaan Negara, tetapi turut melibatkan Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Khusus Guna Sama, dengan matlamat memastikan akses ilmu yang saksama kepada semua golongan masyarakat, termasuk komuniti luar bandar.

Dalam usaha memupuk budaya ilmu, pemartabatan budaya membaca dan akademia menjadi fokus keempat. PNM berusaha melaksanakan program berimpak tinggi yang bertujuan memartabatkan budaya buku dan meningkatkan minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Selain itu, program literasi media dan maklumat akan diperluaskan bagi membentuk masyarakat yang celik informasi dalam era digital. Keunikan tulisan Jawi turut diberi perhatian melalui pendekatan moden dan inklusif yang bertujuan untuk memulihara serta mempromosikan penggunaannya secara lebih meluas. Semua usaha ini sejajar dengan matlamat Dekad Membaca Kebangsaan dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang memberi penekanan kepada pendidikan berkualiti dan pembangunan insan.

Fokus kelima mengetengahkan pengukuhan perpaduan nasional melalui program yang menyokong Dasar Perpaduan Negara. PNM akan melaksanakan inisiatif seperti Warisan Kita, Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan, dan Komuniti RAHMAH. Program-program ini berperanan menyatupadukan masyarakat dengan memupuk semangat kebersamaan dan menghargai kepelbagaian budaya serta warisan negara.

PNM juga memperkukuhkan kerjasama dengan industri perbukuan, yang merupakan fokus keenam dalam perancangan strategik ini. Melalui kolaborasi dengan penerbit, penulis, dan industri buku tempatan, PNM akan menjalankan kajian dan penyelidikan yang bertujuan menyokong pembangunan industri perbukuan negara. Usaha ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan penghasilan karya berkualiti tinggi yang menyumbang kepada pembangunan ilmu dan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Akhir sekali, pendigitalan dan teknologi baharu menjadi salah satu tonggak penting dalam usaha transformasi PNM. Usaha ini merangkumi pelaksanaan projek pendigitalan koleksi khazanah negara, sekali gus memastikan bahan ilmu dapat diakses secara meluas dan mudah oleh pengguna. PNM juga berhasrat membangunkan platform perkhidmatan perpustakaan yang imersif melalui penggunaan teknologi baharu seperti metaverse space dan teknologi robotik untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan. Selain itu, sistem '*Single Sign-On*' (SSO) akan diperkenalkan untuk menyelaraskan perkhidmatan U-Pustaka dalam satu platform yang mesra pengguna. Langkah lain termasuk melanggan sistem perpustakaan bersepadu baharu dan membangunkan galeri maya kebitaraan Malaysiana sebagai pusat rujukan dan akses digital kepada khazanah negara.

Dengan pelaksanaan strategi ini, Perpustakaan Negara Malaysia berusaha menjadi pemangkin perubahan ke arah memperkukuhkan perpustakaan sebagai pusat ilmu, budaya, dan teknologi. Pendekatan yang inklusif, progresif, dan bersepadu ini sejajar dengan visi membangun Malaysia Madani, di samping memperkukuh kedudukan perpustakaan sebagai pemacu pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan masyarakat berilmu.

V. SENARAI PROGRAM PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA TAHUN 2025

BIL	IKHTIAR	FOKUS	PROGRAM
1	Ikhtiar 4 Komuniti Sosio-Budaya	Program	Baucar Buku Semarak Membaca 2025
2			Pogram Kembara Ilmu Sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Kebangsaan
3			Karnival Jom u-Pustaka
4			Festival Kaligrafi Perpaduan
5			Kembara Inilah Warisan Kita@Dabong, Kelantan
6			Program Pementasan Teater Koleksi Peribadi Sasterawan Negara PNM
7			Festival Sastera Kanak-Kanak 2025
8			Program XPDC Legasi Manuskrip Melayu
9			Program Sehari Bersama Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan
10			Karnival Baca Perdana
11			Anugerah Buku PNM 2025
12			Majlis Pelancaran dan Tayangan Perdana Program Kalam Karyawan Tahun 2025 (Dokumentari Khas) Sasterawan Negara (SN) Dato' Rahman Shaari
13			Majlis Perasmian Program Novelis@PNM 2025: Warisan Literasi, Inspirasi Generasi
14			Sentuhan Komuniti Bestari@PD
15			Hari Hak Cipta dan Buku Sedunia: Jom Baca Bersama 10 Minit 2025
16			Perasmian Pusat Repositori Perpustakaan Negara Malaysia-Perlis (PRPNM-PERLIS)
17			Singgah Santai @PNM 2025 #Relakslahdulu
18			Harmoni Asean: Perpaduan Tanpa Sempadan
19			Pelantikan Ikon Pembaca Kebangsaan dan Sesi Bacaan Kegemaran Saya
20			Tekad Komuniti, Semarak Perpaduan
21	Persidangan/ Seminar/ Kem	Kem Citra Buku	
22		Program Kem Digital Pustakawan: Integrasi Teknologi Memacu Ekonomi Digital PNM	
23		19th Congress Of Southeast Asian Librarians (CONSAL) 2025	
24		Seminar Literasi Maklumat Kebangsaan 2025	
25		Kolokium Manuskrip Melayu Kitab Tib: Lonjakan Inovasi Dan Transformasi Dalam Industri Perubatan Tradisional Melayu	

## VI. AGENDA REFORMASI TAHUN 2025

### a) Pembangunan Modal Insan

Penekanan kepada usaha-usaha yang sistematik dan bersepadu untuk meningkatkan potensi individu melalui pelbagai bentuk pendidikan, latihan dan pembangunan kemahiran bagi menghasilkan tenaga kerja yang berdaya saing, inovatif dan berkualiti dengan menasaskan 1% peningkatan pakar dalam bidang kepustakawanan seperti yang terdapat di dalam Buku Pelan Strategik PNM 2024-2028.

### b) Pembangunan Organisasi

Usaha-usaha yang dilakukan untuk memperbaharui, mempertingkatkan, dan menyesuaikan struktur, budaya, sistem dan proses dalam sesebuah organisasi agar ia lebih efisien, berdaya saing dan mampu menghadapi cabaran terhadap perubahan dengan menasaskan satu Pelan Rasionalisasi/Penstrukturkan Semula Jabatan bagi tahun 2024-2028 di bawah Teras Strategik 4 iaitu Pemantapan Tadbir Urus dan Kecemerlangan Organisasi.

### c) Penyampaian Perkhidmatan

Usaha-usaha untuk memperbaiki cara dan kaedah penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan, kualiti dan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan meliputi tindakan-tindakan seperti berikut:

- Semakan semula Akta 80 dan Akta 331;
- Penyediaan/ semakan Dasar Sedia Ada dan Dasar Baharu; dan
- Peraturan-peraturan Perpustakaan Negara.

### Sinergi Awam dan Swasta

Pelaksanaan kerjasama strategik antara sektor Kerajaan dan sektor swasta dalam pelaksanaan program-program bagi memperkasa agenda perpaduan nasional meliputi kementerian/agensi berikut:

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);
- Universiti Malaysia Terengganu (UMT);
- Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT);
- Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA);
- Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI);
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); dan
- Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).



# Yayasan Sukarelawan Siswa

## ASPIRASI DAN NARATIF KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YAYASAN SUKARELAWAN SISWA



Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) adalah yayasan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang komited untuk membudayakan kesukarelawan melalui perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia. Dengan visi untuk menjadi hab global kepimpinan sukarelawan siswa ke arah perpaduan negara, YSS telah berjaya melaksanakan 72 misi sukarelawan berimpak tinggi yang dijalankan di negeri Sabah dan Sarawak serta negara-negara di Asia Tenggara seperti Indonesia, Lao PDR dan Vietnam yang telah melahirkan seramai 2,067 orang pemimpin sukarelawan dari seluruh ASEAN dan China sehingga kini.

Misi sukarelawan siswa YSS berteraskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan aktiviti-aktivitinya berfokuskan kepada enam teras YSS iaitu Perpaduan dan Pemerkasaan Komuniti, Penambahbaikan Pendidikan dan Pembangunan Kapasiti, Kesihatan dan Kesejahteraan, Transformasi Digital, Ketahanan Terhadap Impak Perubahan Iklim dan Kelestarian Alam Sekitar dan akhir sekali Mobilisasi Impak Sosial. Budaya kesukarelawan dalam kalangan generasi muda perlu diperkasakan kerana ia mampu meningkatkan semangat cintakan negara, saling hormat menghormati dan toleransi antara kaum di negara ini, dan seterusnya menyumbang kepada perpaduan negara.

Justeru, melalui pelantikan Duta dan Ejen Perpaduan dalam kalangan alumni YSS, inisiatif ini bertujuan meningkatkan lagi usaha-usaha YSS dalam memupuk perpaduan dan menjadi penghubung antara YSS dan komuniti. Duta dan Ejen Perpaduan Negara menyampaikan mesej-mesej perpaduan, mempromosikan program-program KPN dan YSS serta menyampaikan keberkesanan dan impak positif program perpaduan kepada komuniti.

**ENCIK WONG KIN LUN**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Yayasan Sukarelawan Siswa

## II. VISI, MISI dan LATAR BELAKANG

### Visi

Menjadi hab global bagi kepimpinan kesukarelawanan mahasiswa ke arah perpaduan negara.

### Misi

Menjadi pusat kecemerlangan bagi kepimpinan kesukarelawanan untuk mahasiswa institut pendidikan tinggi dan komuniti dalam memupuk perpaduan negara dan kelestarian.

### Latar Belakang

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perpaduan Negara. YSS telah dilancarkan pada 2012 melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan telah dipindahkan fungsinya kepada Kementerian Perpaduan Negara pada 3 Disember 2022. YSS komited untuk mempromosikan kesukarelawanan melalui integrasi dan perpaduan nasional dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sejak penubuhannya pada 2012, YSS telah berjaya melaksanakan 60 misi sukarelawan berimpak tinggi sebagai program teras di Sabah dan Sarawak, serta di negara Asia Tenggara seperti Indonesia, Lao PDR, dan Vietnam. YSS juga melaksanakan projek melibatkan komuniti dengan rakan kongsi strategik kami untuk menyasarkan benefisiari dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan komuniti kurang bernasib baik lain.

Setakat ini, 1797 Sukarelawan Pelajar telah dilatih melalui persekitaran yang inklusif dan mendalam di mana sukarelawan makan, hidup dan bernafas dengan komuniti tempatan melalui pembelajaran melalui pengalaman semasa misi. Sebagai Alumni, mereka mempunyai akses kepada peluang berterusan untuk membangunkan diri mereka sebagai individu holistik dan mencipta perubahan dalam komuniti mereka.

Tema “Kesukarelawanan untuk Perpaduan”, mencerminkan aspirasi YSS dalam membangunkan pelajar holistik dan seimbang yang sentiasa bermotivasi dalam mewujudkan dunia yang lebih baik untuk umat manusia. YSS juga ingin melahirkan belia yang prihatin, bertanggungjawab dan empati terhadap isu-isu kemanusiaan domestik dan global.

## III. IMBASAN TAHUN 2024

Misi Yayasan Sukarelawan Siswa ke Sabah, Sarawak, Kedah dan Kelantan telah menyaksikan kejayaan dengan mencapai sasaran untuk membudayakan kesukarelawan dalam kalangan generasi muda. Misi-misi ini menitikberatkan kelestarian perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum mengenai khazanah warisan negara.

Perkembangan aktiviti kesukarelawan turut dikembangkan ke peringkat antarabangsa dengan pelaksanaan program ‘*Green Summer Volunteer Campaign*’, Vietnam. Fokus utama adalah aktiviti menaiktaraf jalan kampung, membaikpulih kawasan rekreasi, mencerikan kawasan pusat pelancongan dan sekolah, sektor pendidikan merangkumi Bahasa Inggeris dan Sains, kesihatan dan perubatan, kelestarian alam sekitar, integrasi budaya, mempromosikan sektor pelancongan, memperkenalkan lanjutan pengajian tinggi di Malaysia untuk pelajar-pelajar antarabangsa dan pelbagai lagi aktiviti kemasyarakatan yang lain demi manfaat penduduk tempatan.

**IV. HALA TUJU 2025**

Tema ‘Kesukarelawanan Tunjang Perpaduan’, mencerminkan aspirasi YSS pada tahun 2025 dalam membangunkan mahasiswa yang holistik dan seimbang yang sentiasa bermotivasi untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan untuk kebaikan sejagat. YSS juga berhasrat melahirkan belia yang prihatin, cakna dan empati terhadap isu kemanusiaan domestik dan global.

YSS dengan visinya untuk menjadikan Malaysia sebagai hab global kepimpinan sukarelawan siswa ke arah perpaduan negara berhasrat untuk menyediakan platform persada dunia yang menggalakkan gerakan kesukarelawan melalui pemerksaan dan pembinaan ekosistem sukarelawan siswa.

**V. SENARAI PROGRAM YAYASAN SUKARELAWAN SISWA TAHUN 2025**

BIL	FOKUS	NAMA PROGRAM
1	Belia Unifi	Misi Sukarelawan Siswa ke Lao PDR 2025
		Misi Sukarelawan Siswa ke Vietnam
		Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah



*Yayasan  
Tunku  
Abdul Rahman*

## ASPIRASI DAN NARATIF KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN



Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) adalah yayasan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang komited untuk meneruskan aspirasi Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj untuk memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Harapan dan aspirasi berikut adalah untuk membentuk dan memperkukuh Malaysia sebagai sebuah negara maju yang mengangkat martabat rakyatnya, tanpa mengira warna kulit atau kepercayaan.

Sebagai penghormatan kepada visi ini, Yayasan Tunku Abdul Rahman telah ditubuhkan pada tahun 1966 untuk memberikan bantuan kewangan kepada golongan belia supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Sejak tahun 2019, Yayasan ini telah memperluaskan usaha untuk meneruskan legasi Tunku. Kami kini memperkasakan dan membangunkan belia daripada latar belakang yang kurang diwakili untuk menjadi pemimpin kepada diri mereka sendiri, komuniti mereka, dan negara.

Sebagai sebuah Yayasan, kami komited untuk melaksanakan program yang berimpak tinggi dan memperluaskan impak kami kepada seramai mungkin belia yang layak. Kami juga bertekad untuk memastikan tadbir urus yang baik dan ketelusan sebagai sebuah Yayasan bagi mengekalkan kepercayaan masyarakat.

### **PUAN IDA THIEN**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Yayasan Tunku Abdul Rahman

## II. VISI, MISI dan LATAR BELAKANG

### Visi

Membangunkan masyarakat Malaysia yang berdaya saing, saksama dan inklusif di mana setiap rakyatnya mampu mencapai potensi sebenar mereka untuk diri sendiri dan negara.

### Misi

Melaksanakan visi kami dengan memperkasakan belia-belia yang berpotensi tinggi dan berkelayakan dengan kemahiran, sumber dan daya saing untuk membentuk masa depan yang lebih baik untuk diri mereka sendiri, masyarakat dan Malaysia.

### Latar Belakang

Yayasan Tunku Abdul Rahman telah ditubuhkan pada 1966 melalui Akta Parlimen sebagai penghormatan kepada YTM Tunku Abdul Rahman. Yayasan itu pada mulanya memulakan tugasnya dengan memberikan pinjaman pendidikan bernilai RM 20 juta untuk menyokong pelajar ketika mereka melanjutkan pelajaran. Pada tahun 2006, pinjaman telah digantikan dengan Biasiswa BTAR Tunku Abdul Rahman: Program biasiswa sarjana muda untuk belia berpotensi tinggi di seluruh Malaysia.

Sejak 2019, Yayasan telah merombak strateginya dengan memperkenalkan komponen pembangunan kepimpinan 2 tahun kepada biasiswa BTAR. Yayasan itu juga memperluaskan programnya dengan membawa masuk *Closing The Gap*, program bimbingan akses pendidikan tinggi untuk pelajar sekolah menengah, menaja belia dalam program vokasional dan memperkenalkan program peningkatan kemahiran pekerjaan seperti *FutureReady* dan *Google Gemilang*.

## III. IMBASAN TAHUN 2024

Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) telah berjaya menghidupkan aspirasi Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dengan menjalankan program-program seperti berikut:

### *Closing The Gap*

Yayasan percaya bahawa pendidikan tinggi adalah pemangkin utama mobiliti sosial. Program *Closing The Gap* kami bertujuan untuk memperkasakan belia dengan minda, kemahiran, dan pengetahuan untuk mengatur hala tuju mereka dalam pendidikan tinggi selepas SPM.

### Biasiswa

Mengakses pendidikan tinggi adalah satu perkara. Berjaya dalamnya adalah perkara lain. Biasiswa kami menggabungkan bantuan kewangan yang komprehensif dengan program pembangunan selama dua tahun untuk melengkapkan pelajar dengan nilai, kepimpinan, dan kemahiran untuk cemerlang di universiti dan seterusnya.

### *FutureReady*

Akhirnya, Yayasan ingin membangunkan belia yang berwawasan dan mencapai kejayaan peribadi serta menyumbang secara bermakna sebagai pemimpin dalam masyarakat. Kami melakukannya dengan melengkapkan mereka dengan kemahiran kepimpinan dan kebolehpasaran melalui program *FutureReady*.

#### IV. HALA TUJU 2025

Yayasan Tunku Abdul Rahman ingin memperkasakan dan menyokong generasi baharu pemimpin Malaysia dalam membentuk masa depan yang lebih baik untuk diri mereka sendiri dan untuk semua komuniti secara keseluruhan pada tahun 2025 dan akan datang.

Yayasan berhasrat untuk membantu lebih ramai belia bagi mendapatkan akses kepada pendidikan tinggi, pemberian biasiswa, dan pelaksanaan program kebolehpasaran, Yayasan berhasrat untuk memberikan peluang yang lebih luas kepada belia untuk mencapai potensi penuh mereka.

Usaha ini bukan sahaja bertujuan untuk membina masa depan yang lebih cerah bagi diri mereka sendiri, tetapi juga untuk memperkukuhkan komuniti mereka dan menyumbang kepada pembangunan negara secara keseluruhan. Dengan menyediakan platform untuk memperkasakan ilmu, kemahiran, dan nilai kepimpinan, belia ini mampu menjadi agen perubahan yang membawa impak positif kepada masyarakat dan kemajuan Malaysia.

#### V. SENARAI PROGRAM YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN TAHUN 2025

##### Ikhtiar 1: Ekosistem Perpaduan

BIL	FOKUS	NAMA PROGRAM
1	Belia Unifi	Sambutan Ulang Tahun ke-59 YTAR



# *Yayasan Tun Razak*

## ASPIRASI DAN NARATIF SETIAUSAHA



Yayasan Tun Razak (YTR) adalah yayasan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang komited dalam melahirkan belia yang mempunyai sifat-sifat kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak yang wajar dijadikan contoh. Allahyarham Tun Abdul Razak amat berwawasan dan berpandangan jauh dengan membangunkan negara terutamanya melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Komitmen Allahyarham Tun Abdul Razak kepada rakyat amat tinggi dengan penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) bagi membantu rakyat. Selain itu, sikap empati dan rendah hati beliau juga turut disegani bukan sahaja rakan politik tetapi rakan sejawat di luar negara.

Meskipun sibuk dalam mentadbir negara, Allahyarham Tun Abdul Razak tidak mengabaikan insan tersayang dan sentiasa memberikan tumpuan kepada isteri dan anak-anak. Keperibadian beliau perlu dicontohi oleh generasi belia di Malaysia. Yayasan ini ditubuhkan dengan matlamat untuk membentuk dan membangunkan generasi belia di Malaysia yang mencontohi sifat-sifat kepimpinan dan keperibadian mulia Allahyarham Tun Abdul Razak.

**Tengku Harith Aziz**  
Setiausaha  
Yayasan Tun Razak

## II. LATAR BELAKANG

Kembalinya Allahyarham Tun Abdul Razak ke rahmatullah pada 14 Januari 1976 mengejutkan semua pihak. Ramai berpendapat bahawa cara terbaik untuk mengenang jasa Tun ialah dengan menubuhkan sebuah yayasan yang boleh menyambung dan meneruskan perjuangan murni beliau. Justeru, pada 20 Februari 1976, di satu majlis anjuran akhbar 'The New Straits Times', sebuah yayasan telah dilancarkan oleh YBM Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia ketika itu. Yang Amat Arif Tun Mohamed Suffian, Ketua Hakim Negara ketika itu dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak yang pertama.

Dalam masa sama, beberapa institusi lain turut dirancang dan ditubuhkan dengan tujuan yang sama. Untuk mengelakkan kekeliruan serta salah faham, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan pada Mac 1976 untuk menyatukan institusi-institusi berkenaan.

Berita Harian edisi 4 Ogos 1976 melaporkan bahawa cadangan penubuhan Yayasan Tun Razak (YTR) melalui Akta Parlimen Malaysia telah mendapat sokongan semua Ahli Dewan Rakyat. Ia merupakan manifestasi penerimaan kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak oleh segenap masyarakat walaupun berbeza pandangan politik dan berharap agar legasi Allahyarham Tun diteruskan.

Rang undang-undang berkaitan YTR telah diluluskan oleh Parlimen dan seterusnya diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong pada 28 Oktober 1976.

YTR ditadbir oleh sebuah Lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Pemegang Amanah yang mempunyai kuasa dan budibicaranya sendiri untuk menentukan Yayasan berada dalam pengurusan yang baik dan menjalankan aktiviti berasaskan kepada objektif penubuhannya.

## III. IMBASAN TAHUN 2024

Yayasan Tun Razak beriltizam untuk meneruskan kejayaan Allahyarham Tun Abdul Razak dengan melaksanakan program-program untuk membentuk belia di Malaysia yang berwawasan dan progresif. Pada tahun 2024 telah menyaksikan Program Kepimpinan Tun Razak yang menumpukan pengukuhan sahsiah dan jati diri serta memupuk nilai kepimpinan sebagaimana kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak semasa mentadbir negara. Para peserta diberikan pendedahan dan perkongsian ilmu yang bertujuan menyokong perkembangan minda, supaya belia di Malaysia dapat menjadi teladan yang dihormati di peringkat global.

Anugerah Tun Abdul Razak merupakan satu penghargaan yang diberikan untuk menghormati sumbangan besar Allahyarham Tun Abdul Razak dalam pembangunan negara Malaysia. Anugerah ini bertujuan mengiktiraf individu atau organisasi yang menunjukkan kepimpinan cemerlang, komitmen terhadap pembangunan sosial dan ekonomi, serta dedikasi dalam memperbaiki kehidupan masyarakat, sesuai dengan legasi dan nilai-nilai yang ditinggalkan oleh Tun Abdul Razak. Penerima anugerah ini diharap dapat meneruskan perjuangan beliau dalam mewujudkan negara yang makmur dan harmoni.

#### IV. HALA TUJU 2025

Tahun 2025 membuka lembaran dan peluang baharu bagi Yayasan Tun Razak untuk meneruskan legasi Allahyarham Tun Abdul Razak. Yayasan berhasrat untuk mengembangkan lagi Program Kepimpinan Tun Razak agar lebih inklusif dan berdaya saing, dengan memberi lebih banyak pendedahan dan latihan kepada belia Malaysia. Program ini bertujuan untuk melahirkan pemimpin yang berkualiti, berintegriti, dan mempunyai visi yang jelas untuk masa depan negara. Melalui program ini, Yayasan Tun Razak berusaha memperkasa belia dengan kemahiran kepimpinan, pengetahuan dan nilai-nilai murni yang dapat memacu pembangunan negara ke arah yang lebih gemilang.

Selain itu, Yayasan Tun Razak menyasarkan untuk menjalin kerjasama erat dengan Agensi Kerajaan, sektor swasta, dan NGO bagi menyokong inisiatif '*Whole-of-Government*' (WOG) dan '*Whole-of-Nation*' (WON). Kerjasama ini bertujuan untuk memastikan penyelarasan yang lebih baik dalam mencapai matlamat pembangunan negara yang lebih inklusif dan mampan serta memperluaskan impak program-program belia dan kepimpinan.

#### V. SENARAI PROGRAM YAYASAN TUN RAZAK TAHUN 2025

##### Ikhtiar 1: Ekosistem Perpaduan

BIL	FOKUS	NAMA PROGRAM
1	Belia Unifi	Program Kepimpinan Tun Razak



# *Takwim*

## JANUARI 2025

BIL	BAHAGIAN/ AGENSI	PROGRAM	TARIKH RASMI	PERASMI	LOKASI
1	SEKTOR PENGURUSAN	Majlis Amanat YBM Tahun 2025	14-Jan-25	YBM	Putrajaya
2	BKS	Majlis Pelancaran Portal Geran NGO	23-Jan-25	YBM	Putrajaya

## FEBRUARI 2025

BIL	BAHAGIAN/ AGENSI	PROGRAM	TARIKH PROGRAM	PERASMI/ PENERUSI	LOKASI
1	YTAR	Sambutan Ulang Tahun ke-59 YTAR	7-Feb-25	YBM	Pullman KLCC, Kuala Lumpur
2	BKN	Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia	8-Feb-25	YBM	Kuantan, Pahang
3	UKK	Malam Anugerah Media 2024	13-Feb-25	YBM	Putrajaya
4	J-PERPADUAN	Jejak Harmoni Metasemesta	15-Feb-25	KSU	Ampang, Kuala Lumpur
5	J-PERPADUAN	Dialog Harmoni Kebangsaan	16-Feb-25	YBM	Ampang, Kuala Lumpur
6	PNM	Pelancaran Baucar Buku Semarak Membaca 2025	19-Feb-25	YBM	Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur
7	ANM	Jejak 20 Februari 1956: Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu	20-Feb-25	YBM	"Kompleks Hang Tuah Center, Duyung, Melaka"
8	J-PERPADUAN	Cilik Perpaduan Kembali Ke TP Dan TSP	22-Feb-25	YBM	Petra Jaya, Sarawak
9	PNM	Sentuhan Komuniti Bestari@PD	22-Feb-25	YBTM	Perpustakaan Desa Bandar Baru Putra, Ipoh, Perak

## MAC 2025

BIL	BAHAGIAN/ AGENSI	PROGRAM	TARIKH PROGRAM	PERASMI/ PENERUS	LOKASI
1	J-PERPADUAN	Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Perpaduan 2025	8-Mar-25	YBM	Kuala Terengganu, Terengganu

## APRIL 2025

BIL	BAHAGIAN/ AGENSI	PROGRAM	TARIKH RASMI	PERASMI	LOKASI
1	BKS	Pelancaran Minggu Sambutan Perpaduan	12-Apr-25	YBM	Johor Bahru, Johor
2	J-PERPADUAN	Konvensyen Skim Rondaan Sukarela Kebangsaan	12-Apr-25	YBM	Ampang, Kuala Lumpur
3	YSS	Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah	14-Apr-25	YBM	UMS, Sabah
4	PNM	Hari Hak Cipta dan Buku Sedunia: Jom Baca Bersama 10 Minit 2025	23-Apr-25	KSU	Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Alor Setar, Kedah
5	ANM	"Majlis Peluncuran, Penyampaian Watikah dan Mesyuarat Majlis Sejarawan Negara Bil. 1/2025 (YBM)"	24-Apr-25	YAB PMX	"Hotel Majestic, Kuala Lumpur"
6	YTR	Program Kepimpinan Tun Razak	25-Apr-25	YBM	Kuala Lumpur
7	BKS	Sound Of Harmony	26-Apr-25	YBM	Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor
8	J-PERPADUAN	Program Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa	26-Apr-25	YBTM	Tapah, Perak
9	J-PERPADUAN	Program Silang Budaya : Gerak Integrasi Pelajar (GRIP)	30-Apr-25	YBM	Bentong, Pahang

## MEI 2025

BIL	BAHAGIAN/ AGENSI	PROGRAM	TARIKH RASMI	PERASMI	LOKASI
1	ANM	SMK St. Mary, Sandakan: Bermulanya Di Sini	5-Mei-25	YBM	Sandakan, Sabah
2	J-PERPADUAN	Podcast Bicara Harmoni Tahun 2025 bersama YBM	8-Mei-25	YBM	Putrajaya
3	ANM	Majlis Peluncuran Arkib Komuniti #komUNITIharmoni	10-Mei-25	YBM	Klang, Selangor
4	BKS	Harmony Parade	10-Mei-25	YBM	Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
5	J-PERPADUAN	Projek Sosial Kolaboratif: Pusat Mediasi Komuniti untuk Komuniti (K2K)	17-Mei-25	YBM	Titiwangsa, Kuala Lumpur
6	JMM	Seminar Antarabangsa: ICOM Malaysia 2025	18-Mei-25	YBM	Alor Setar, Kedah
7	J-PERPADUAN	Connect @ Seminar Mediasi Komuniti 2025	20-Mei-25	YBM	Bukit Katil, Melaka
8	PNM	Perasmian Pusat Repositori Perpustakaan Negara Malaysia	22-Mei-25	DYMM Pemangku Raja Perlis	Bukit Kubu, Kuala Perlis, Perlis
9	JMM	Fun@Muzium Kota Kayang	24-Mei-25	YBTM	Muzium Kota Kayang, Kangar, Perlis
10	PNM	Kem Citra Buku	24-Mei-25	YBM	Kuala Terengganu
11	ANM	Minggu P. Ramlee "Satu Dalam Sejuta"	25-Mei-25	Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang	Georgetown, Pulau Pinang
12	J-PERPADUAN	Townhall Keselamatan Dan Perpaduan Negara (Peringkat Kebangsaan)	25-Mei-25	YBM	Kota Anggerik, Selangor
13	PNM	Karnival Baca Perdana - Program Kalam Karyawan Tahun 2025 (Dokumentari Khas) Sasterawan Negara (SN) Dato' Rahman Shaari - Program Novelis@PNM 2025: Warisan Literasi, Inspirasi Generasi"	27-Mei-25	YBM	Kuala Terengganu, Terengganu
14	YSS	Misi Sukarelawan Siswa ke Lao PDR 2025	30-Mei-25	YBTM	Kementerian Perpaduan Negara
15	BKN	Wacana Keselamatan Dan Patriotisme	31-Mei-25	YBTM	Universiti Malaysia Perlis
16	PNM	Singgah Santai @PNM 2025 #Relakslahdulu	31-Mei-25	KSU	Perpustakaan Negara Malaysia

## JUN 2025

BIL	BAHAGIAN/ AGENSI	PROGRAM	TARIKH RASMI	PERASMI	LOKASI
1	ANM	Seminar Warisan Asia Pasifik Surat Persendirian Baginda Omar - YBTM	3-Jun-25	DYMM Sultan Terengganu	Kuala Terengganu, Terengganu
2	PNM	Sentuhan Kasih@Rakan Muda	8-Jun-25	YBTM	Perpustakaan Negara Malaysia
3	ANM	Majlis Perasmian Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2025	10-Jun-25	YBM	Kuching, Sarawak
4	ANM	Arkib Komuniti - Tradisi Lisan: Perubatan Tradisional	11-Jun-25	Yang Di-Pertua Negeri Sarawak	Kuching, Sarawak
5	ANM	Cakna Arkib Negara Malaysia	12-Jun-25	KSU	KKR, Kuala Lumpur
6	BKS	Sambutan Minggu Perpaduan Negara Peringkat Negeri Perlis	14-Jun-25	YBM	Kangar, Perlis
7	ANM	Majlis Mengenang Jasa Tun V.T. Sambanthan: Menteri Perpaduan Pertama	16-Jun-25	YAB PMX	Sungai Siput, Perak
8	PNM	19th Congress Of Southeast Asian Librarians (CONSAL) 2025	16-Jun-25	YAB TPM II	World Trade Center, Kuala Lumpur
9	JMM	Jelajah Inspirasi Pelajar, Inovasi Muzium (IPIM)	18-Jun-25	YBM	Muzium Negeri Terengganu, Kuala Terengganu
10	PNM	Harmoni Asean: Perpaduan Tanpa Sempadan	19-Jun-25	KSU	Perpustakaan Negara Malaysia
11	J-PERPADUAN	Konvensyen RT Progresif	21-Jun-25	YBM	Johor Bahru, Johor
12	J-PERPADUAN	Citra Negaraku	22-Jun-25	YBTM	Asia Pacific Univ, Seputeh, Kuala Lumpur
13	ANM	Arkib Komuniti - Lestari Makanan Tradisi: Temasya Resipi Sajjian Silam	24-Jun-25	Menteri Besar Perak	Ipoh, Perak
14	PNM	Pelantikan Ikon Pembaca Kebangsaan dan Sesi Bacaan Kegemaran Saya	26-Jun-25	YBM	Perpustakaan Negara Malaysia
15	JMM	Fun @ Muzium Perak	28-Jun-25	KSU	Muzium Perak, Taiping, Perak

## JULAI 2025

BIL	BAHAGIAN/ AGENSI	PROGRAM	TARIKH RASMI	PERASMI	LOKASI
1	JMM	Seminar Antarabangsa Kajian Melayu-Jawa (Semeja 2025) "Memberdaya"	1-Jul-25	YBM	Yogyakarta, Indonesia
2	PNM	Tekad Komuniti, Semarak Perpaduan	5-Jul-25	YBTM	Perpustakaan Desa Kampung Alor Limbat, Bukit Payung, Terengganu
3					
4	YSS	Misi Sukarelawan Siswa ke Vietnam	7-Jul-25	YBM	Kementerian Perpaduan Negara
5	ANM	SK Tunku Putera: Nostalgia Rundingan Baling (Baling Talks)	8-Jul-25	YBTM	Baling, Kedah
6	JMM	Citra Nusa@ Muzium: Simposium Fabric Of Asean	9-Jul-25	KDYMM Tengku Ampuan Pahang	Galeri Saindera MTN/Auditorium JMM
7	ANM	Majlis Pembukaan Semula Galeria Sri Perdana	12-Jul-25	YBM	Galeri Seri Perdana, Kuala Lumpur
8	BKS	Liga Sukan UNITI	18-Jul-25	YBM	Bangi, Selangor
9	JMM	Citra Nusa@ Muzium: Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2025	22-Jul-25	DYMM Sultan Kedah	Alor Setar, Kedah
10	J-PERPADUAN	Kem Perpaduan Anak Malaysia Kebangsaan	24-Jul-25	KSU	Kota Bahru, Kelantan

## OGOS 2025

BIL	BAHAGIAN/ AGENSI	PROGRAM	TARIKH RASMI	PERASMI	LOKASI
1	PNM	Karnival Jom u-Pustaka	1-Ogos-25	YBM	Putrajaya
2	ANM	Kembara Harmoni Malaysia Merdeka	2-Ogos-25	YBTM	Kuala Lumpur - Kedah (KTMB)
3	J-PERPADUAN	Konvensyen Sekretariat Rukun Negara	2-Ogos-25	YBM	Serdang, Selangor
4	PNM	Program Kem Digital Pustakawan: Integrasi Teknologi Memacu Ekonomi Digital PNM	5-Ogos-25	YBM	Kuala Lumpur
5	JMM	Citra Nusa@ Muzium: Asean Native Festival	9-Ogos-25	YAB PMX	Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur
6	ANM	SMK Dabong: Deghak Sek Arkib Ke Dabong	11-Ogos-25	KSU	Dabong, Kelantan
7	PNM	Festival Kaligrafi Perpaduan	14-Ogos-25	YBM	Perpustakaan Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah
8	ANM	Seminar Kebangsaan Sejarah Lisan: Rakaman Memori Sumber Lisan	19-Ogos-25	YBM	Melaka
9	BKN	Sambutan 55 Tahun Rukun Negara (Beserta Amanat)	30-Ogos-25	YBM	Putrajaya
10	ANM	Sambutan Anak Merdeka 31 Ogos	31-Ogos-25	YBM	Kuala Lumpur

## SEPTEMBER 2025

BIL	BAHAGIAN/ AGENSI	PROGRAM	TARIKH RASMI	PERASMI	LOKASI
1	ANM	Seminar Sejarah Nasional	2-Sep-25	YBM	Sintok, Kedah
2	PNM	Program Pementasan Teater Koleksi Peribadi Sasterawan Negara PNM	3-Sep-25	KSU	Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur
3	JMM	Fun @ Muzium Matang	6-Sep-25	YBTM	Muzium Matang, Bukit Gantang, Perak
4	ANM	The 25th General Conference and the 26th Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA) Executive Board Meeting and International Symposium 2025	9-Sep-25	YBM	Georgetown, Pulau Pinang
5	PNM	Seminar Literasi Maklumat Kebangsaan 2025	9-Sep-25	KSU	Hotel Concorde, Shah Alam
6	ANM	Jejak Gen Z @ Memorial	13-Sep-25	YBTM	Kompleks Arkib Perdana Menteri dan Arkib Negarawan, Kuala Lumpur
7	PNM	Kembara Inilah Warisan Kita@Dabong, Kelantan	13-Sep-25	YBM	Dabong, Gua Musang, Kelantan
8	JMM	Citra Nusa@ Muzium: Program Perdana Bermalam Di Muzium	15-Sep-25	YBM	Borneo Culture Museum (BCM), Kuching, Sarawak
9	JMM	Citra Nusa@ Muzium: Nostalgia Anak Kampung: Pusaka Tradisi	20-Sep-25	YBM	Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur
10	BKN	Simposium Pendidikan Rukun Negara Pra Sekolah	27-Sep-25	YBM	WTC, Kuala Lumpur

## OKTOBER 2025

BIL	BAHAGIAN/ AGENSI	PROGRAM	TARIKH RASMI	PERASMI	LOKASI
1	JMM	Fun @ Muzium Negara: Aroma Kopi: Xpresi Seni Dan Budaya	2-Okt-25	YBTM	Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur
2	BKN	Wacana Keselamatan Dan Patriotisme	4-Okt-25	KSU	Universiti Malaysia Sabah (Labuan)
3	BKS	Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan	4-Okt-25	YBM	Batu Kawan, Pulau Pinang
4	J-PERPADUAN	Sambutan 50 Tahun Rukun Tetangga	4-Okt-25	YBM	Batu Kawan, Simpang Empat Pulau Pinang
5	J-PERPADUAN	Karnival Ekonomi Rukun Tetangga Kebangsaan 2025	4-Okt-25	YBM	Batu Kawan, Simpang Empat Pulau Pinang
6	PNM	Pogran Kembara Ilmu Sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Kebangsaan	4-Okt-25	YBM	Batu Kawan, Simpang Empat, Pulau Pinang
7	ANM	Pameran dan Bicara Warisan Eksklusif Kesultanan Perak	6-Okt-25	DYMM Sultan Perak	Dewan Bandaran, Ipoh, Perak
8	PNM	Festival Sastera Kanak-Kanak 2025	8-Okt-25	YBM	Kuala Lumpur
9	JMM	Fun @ Muzium Kota Kuala Kedah	10-Okt-25	KSU	Muzium Kota Kuala Kedah, Kedah
10	PNM	Program XPDC Legasi Manuskrip Melayu	11-Okt-25	KSU	Kuala Lumpur
11	ANM	Pameran dan Forum ASEAN: Keterangkuman dan Kemampunan	13-Okt-25	YBM	KLCC, Kuala Lumpur
12	PNM	Program Sehari Bersama Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan	15-Okt-25	YBTM	Perpustakaan Negara Malaysia
13	JMM	Fun @ Muzium Negara: Festival Kartun Perpaduan	17-Okt-25	YBM	Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur
14	PNM	Anugerah Baca Buku Perdana	23-Okt-25	YBTM	Seri Pacific, Kuala Lumpur
15	JMM	Fun @ Muzium Sg Lembing	25-Okt-25	YBM	Muzium Sungai Lembing Pahang
16	ANM	Hari Audiovisual dan World Digital Preservation Day 2025	27-Okt-25	KSU	Kuala Lumpur

## NOVEMBER 2025

BIL	BAHAGIAN/ AGENSI	PROGRAM	TARIKH RASMI	PERASMI	LOKASI
1	J-PERPADUAN	Majlis Anugerah Star Rating Dan Konvensyen Tabika Perpaduan (TB)	1-Nov-25	YBTM	Hang Tuah Jaya, Melaka
2	PNM	Kolokium Manuskrip Melayu Kitab Tib: Lonjakan Inovasi Dan Transformasi Dalam Industri Perubahan Tradisional Melayu - cadang gabung	4-Nov-25	KSU	Kuala Lumpur
3	JMM	Citra Nusa@ Muzium: Pameran Fabric Of Asean	5-Nov-25	Raja Permaisuri Agong	Galeri 2, Jabatan Muzium Malaysia
4	J-PERPADUAN	Majlis Anugerah Perdana RT Dan Konvensyen RT Kebangsaan 2025	8-Nov-25	YAB PMX	Kuantan, Pahang
5	J-PERPADUAN	Pertandingan Pidato Perpaduan Peringkat Kebangsaan	23-Nov-25	YBM	USIM, Nilai, Negeri Sembilan

## DISEMBER 2025

BIL	BAHAGIAN/ AGENSI	PROGRAM	TARIKH RASMI	PERASMI	LOKASI
1	ANM	Hari Arkib	1-Dis-25	KSU	Kuala Lumpur



**Kementerian Perpaduan Negara (KPN)**

Aras 5-10, Blok F9, Kompleks F, Lebuhraya Perdana Timur A,  
Presint 1, 62000, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tel : +603-8091 8000

Emel : [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

Pautan Laman Web : [www.perpaduan.gov.my](http://www.perpaduan.gov.my)